



LP 10 FPE 2 2009



1100089052

Migrasi generasi muda Felda : punca dan kesan terhadap sosioekonomi komuniti Felda / Faizah Sahat.

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU

1100089052

1100089052		

Lihat Sebelah

HAK MILIK
PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

MIGRASI GENERASI MUDA FELDA :
PUNCA DAN KESAN TERHADAP SOSIOEKONOMI
KOMUNITI FELDA

OLEH

FAIZAH BINTI SAHAT
SM EKONOMI (SUMBER ALAM)

PROJEK ILMIAH INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT PENGAJIAN


FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

2009

PENGAKUAN

Saya akui Kertas Projek (EKN 4399 A/B) ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber yang telah saya jelaskan rujukannya.

TARIKH : 30 APRIL 2009




.....

NAMA : FAIZAH BINTI SAHAT

NO. MATRIK : UK13638

I hereby declare that this Project Paper (EKN 4399 A/B) is the result of my own investigation and findings, except where otherwise stated.

DATE : 30 APRIL 2009



.....

NAME : FAIZAH BINTI SAHAT

MATRIC NO. : UK13638

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah s.w.t yang maha pemurah lagi maha mengasihani.

Syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurniaNya maka dapat saya menyiapkan Kertas Projek Tahun Akhir ini dengan jayanya.

Setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada Encik Nasir Bin Nawawi kerana selaku penyelia dan pensyarah yang telah banyak memberikan bimbingan dan tunjuk ajar dalam saya menyiapkan Kertas Projek ini.

Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada ahli keluarga yang tersayang kerana telah banyak membantu dari segi bantuan fizikal mahupun sokongan moral, selain itu juga jutaan terima kasih kepada rakan-rakan yang menyokong. Sekian Wassalam.

Sekian, Terima Kasih,

(FAIZAH BINTI SAHAT)

No.4, JLN. Bayam 1, Felda Maokil 3,
85300 Labis, Johor Darul Takzim.

ABSTRAK

Belia Felda merupakan generasi muda yang berumur 16 hingga 40 tahun, dan mereka juga dikenali sebagai generasi ke 2 atau ke 3 atau generasi baru dan juga merupakan pewaris peneroka dalam mengusahakan 10 ekar di penempatan tertentu untuk mengerjakan ladang kelapa sawit ataupun getah khususnya dan juga tempat tinggal di sebuah kampung terancang, tujuan pemberian tersebut adalah untuk perkembangan pembangunan ekonomi dan sosial serta kestabilan politik negara. Namun kini setelah 50 tahun penubuhan, pihak Felda dan peneroka terpaksa berhadapan dengan masalah di mana tiada pewaris atau dengan kata lain anak-anak Felda ini langsung tidak berminat untuk menyambung pekerjaan ibu bapa mereka dan kebanyakan melakukan migrasi keluar dari Felda bagi mencari peluang pekerjaan lain di sektor-sektor swasta dan juga awam. Hal ini secara tidak langsung telah memberi kesan kepada sosioekonomi peneroka dari segi pendapatan, corak kehidupan dan lain-lain lagi. Oleh itu kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti punca atau faktor migrasi dikalangan generasi muda Felda dan mengkaji kesan migrasi tersebut terhadap sosioekonomi komuniti Felda. Untuk tujuan ini sebanyak 150 keping soal selidik telah diedarkan kepada belia Felda yang telah migrasi di dua buah Felda di wilayah negeri Johor iaitu Felda Maokil dan Felda Kahang Timur, Kluang, untuk mendapatkan respon mengenai migrasi yang dilakukan. Bagi menjawab objektif kajian ini maklumat-maklumat yang diperolehi daripada soal selidik dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS dan model yang digunakan adalah model Binari Logit. Hasil yang diperolehi mendapati faktor belia Felda melakukan migrasi adalah untuk mencari pekerjaan dan mereka bermigrasi ketika umur 25 tahun ke atas. Selain itu juga hasil kajian mendapati migrasi yang dilakukan sememangnya memberi kesan kepada keluarga dan responden bagi aspek sosial dan ekonomi, sekurang-kurangnya dua pembolehubah bebas yang mempengaruhi pembolehubah bersandar. Pembolehubah bersandar adalah kesan migrasi dari aspek sosioekonomi kepada keluarga responden iaitu belia Felda itu sendiri.

ABSTRACT

The youth generation of FELDA is the people aged between 16 to 40 years old. They are also known as the second generation or in other words the third new generation. They inherited the lands from the first generation of FELDA's '*peneroka*' and they are continuously proceeding with what their predecessors had done before which is growing and managing the palm oil and rubber estates. In order to manage the land well, they need to live in the well planned village system under FELDA management. The objectives of having this kind of action are for the sake of economic, social development and the political stability. However, after 50 years of the FELDA establishment, the FELDA and the '*peneroka*' face the major problem which is the new generation of FELDA were not interested in continuing the responsibility of what their previous generation had done. Mostly the new generation of the *peneroka* migrates to the city and work in the private or government sector. This phenomenon affects the socioeconomic level of the *peneroka* in terms of income, lifestyle and so on. On top of that, one research had been done in order to recognize and analyze the factors of migration of FELDA's youth and its effect towards the socioeconomic of FELDA community. The methodology of this research is through the questionnaire. 150 sets questionnaires were distributed to the FELDA's youths who migrate from FELDA *Maokil* and FELDA *Kahang Timur, Kluang*. All the findings from the questionnaires were analyzed by using the SPSS software and Binary Logic Model. Based from the findings, the main factor of the migration is to find a job and the FELDA's youth usually started migrate to the big cities when they reach 25 years old. Other than that, the research reveals that the migration affects the respondents and their family In terms of social and economic aspect. There are at least two variables that can be found in the research which influenced the dependent variable. In this case, the dependent variable is the effect of the migration towards the family's socioeconomic aspect which is done by the FELDA's youth themselves.

SENARAI KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN	
MUKASURAT TAJUK	i	
PENGAKUAN PELAJAR	ii	
PENGHARGAAN	iii	
ABSTRAK	iv	
ABSTRACT	v	
SENARAI KANDUNGAN	vi	
SENARAI JADUAL	xi	
SENARAI RAJAH	x	
 BAB I : PENGENALAN		
1.0	Pendahuluan	1
1.1	Permasalahan Kajian	3
1.2	Objektif	4
1.3	Skop Kajian	5
1.4	Kesimpulan	6
 BAB II : SOROTAN KAJIAN LEPAS		
2.0	Pendahuluan	7
2.1	Ulasan Karya	9
2.1.1	Migrasi ke Kawasan Pinggiran Wilayah Metropolitan Lembah Klang.	9
2.1.2	Local Amenities And Life-Cycle Migration: Do People Move For Jobs Or Fun?.	10

2.1.3	Migrasi Keluar Generasi Kedua Dan Dampaknya Terhadap Sosioekonomi Masyarakat Felda.	10
2.1.4	Human capital externalities and rural–urban migration: Evidence from rural China	11
2.1.5	Migration and rural poverty in China	11
2.1.6	Internal migrations in sixteenth century Anatolia	11
2.1.7	Does the Level of Development in Sending Areas Matter?	12

BAB III : METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pendahuluan	13
3.1	Analisis Kajian	14
3.2	Model Kajian.	16
3.3	Pengujian Model	
3.4	Pembentukan Soal Selidik	
3.4.1	Lokasi Kajian	18
3.4.2	Pemilihan Sampel Kajian	19
3.5	Kesimpulan	19

BAB IV : ANALISIS HASIL KAJIAN

4.0	Pendahuluan.	20
4.1	Analisis Diskriptif	
4.1.1	Bahagian A : Latar Belakang Responden.	21
4.1.2	Bahagian B : Penilaian Migrasi Oleh Responden	25
4.1.3	Bahagian C : Pendapat Masyarakat Terhadap Migrasi	33
4.2	Analisis Model Binary Logistik	35
4.3	Kesimpulan	44

BAB V : RUMUSAN KAJIAN

5.0	Pendahuluan	45
5.1	Rumusan Kajian	45
5.2	Cadangan	47
5.3	Kesimpulan Kajian	49

RUJUKAN

LAMPIRAN

LAMPIRAN A

LAMPIRAN B

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	HALAMAN
4.1	Taburan Responden Mengikut tahap pendidikan	22
4.2	Taburan Responden Mengikut faktor migrasi	25
4.3	Taburan Responden mengikut jumlah upah	32
4.4	Jadual Klasifikasi Regresi Logistik Kesan Migrasi Dari Aspek Sosial Kepada Responden.	36
4.5	Jadual Hasil Keputusan Regresi Logistik Binomial	37
4.6	Jadual Klasifikasi Regresi Logistik kesan migrasi Dari Aspek Ekonomil Kepada Keluarga.	39
4.7	Jadual Hasil Keputusan Regresi Logistik Binomial	40
4.8	Jadual Klasifikasi Regresi Logistik Kesan Migrasi Dari Aspek Sosial Kepada Keluarga.	42
4.9	Jadual Hasil Keputusan Regresi Logistik Binomial	43

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	HALAMAN
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	21
4.2	Taburan Responden Mengikut Taraf Perkahwinan	22
4.3	Taburan Responden Mengikut Jenis Pekerjaan	23
4.4	Kesan Migrasi Terhadap Ekonomi Responden.	26
4.5	Kesan Migrasi Terhadap Sosial Responden	28
4.6	Kesan Migrasi Terhadap Ekonomi Keluarga	29
4.7	Kesan Migrasi Terhadap Sosial Keluarga	31
4.8	Pendapat Masyarakat Terhadap Migrasi	34

BAB I

PENGENALAN

1.0 PENDAHULUAN

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan atau lebih dikenali sebagai FELDA (Federal Land Development Authority) adalah sebuah agensi kerajaan Malaysia yang menangani penempatan semula penduduk luar bandar yang miskin ke kawasan-kawasan yang baru dibangun agar meningkatkan taraf ekonomi mereka. FELDA diasaskan pada 1 Julai 1956 di bawah Akta Kemajuan Tanah 1956 hasil daripada syor Jawatankuasa Kerja Kerajaan, dengan permulaan modalnya sebanyak RM10 juta. Pada asalnya, FELDA berfungsi sebagai sebuah lembaga yang menguruskan dan menyalurkan bantuan kewangan kepada kerajaan negeri untuk melaksanakan rancangan pembangunan tanah di negeri masing-masing, selain daripada menyelaraskan pembangunan tanah di negeri berkenaan termasuk perpindahan penduduk antara negeri. Pada tahun 1961 fungsi FELDA telah diperluaskan oleh kerajaan untuk melaksanakan sendiri rancangan-rancangan pembangunan tanah dan pembangunan penempatan di seluruh negara.

Pembangunan tanah dan pembangunan penempatan di kawasan pedalaman yang dilakukan oleh FELDA, mendapati sebahagian besar daripada kawasan di Malaysia pada masa itu, telah membawa kepada perkembangan pembangunan ekonomi dan sosial serta membawa kepada kestabilan politik negara. Sehingga kini, FELDA telah membuka dan membangunkan lebih kurang 480 buah kawasan baru berjumlah seluas 853,313 hektar yang dijadikan sebagai kawasan pertanian, perladangan dan penempatan. Seramai 112,635 jumlah orang telah dipilih sebagai peneroka daripada kalangan masyarakat pedalaman dan luar bandar yang miskin dan tidak bertanah. Setiap peneroka Felda diberikan tanah seluas 10 ekar (40,000 m²) di penempatan yang tertentu untuk mengerjakan ladang pokok getah atau kelapa sawit khususnya. Selain itu juga semua peneroka diperlukan untuk tinggal di dalam penempatan dan diperuntukkan sebanyak 0.25 ekar (1,000 m²) di sebuah kampung terancang yang telah dibina oleh FELDA.

Pada peringkat awal penubuhan tanah rancangan Felda seperti yang kita tahu setiap peneroka akan diberikan sebidang tanah seluas 10 ekar di penempatan tertentu untuk mengerjakan ladang kelapa sawit ataupun getah khususnya dan juga tempat tinggal di sebuah kampung terancang. Hal ini telah membawa kepada perkembangan pembangunan ekonomi dan sosial serta kestabilan politik negara, namun kini setelah 50 tahun penubuhan, pihak Felda dan peneroka terpaksa berhadapan dengan masalah di mana tiada pewaris atau dengan kata lain anak-anak Felda ini langsung tidak berminat untuk menyambung pekerjaan ibu bapa mereka.

Kebanyakan belia Felda pada hari ini lebih berminat untuk migrasi dan mencari pekerjaan di kawasan-kawasan bandar, migrasi di sini membawa maksud penghijrahan sekumpulan manusia dari satu tempat ke satu tempat yang lain untuk meningkatkan taraf hidup dan ekonomi mereka. Hal ini telah secara tidak langsung memberi kesan kepada sosioekonomi peneroka dari segi pendapatan, corak kehidupan dan lain-lain lagi, maka langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini adalah dengan mengupah buruh asing untuk mengusahakan tanah daripada menjadikannya terbiar.

1.1 PERMASALAHAN KAJIAN

Penubuhan FELDA sememangnya bertujuan untuk menggalakan pertumbuhan masyarakat yang maju, produktif dan berdisiplin untuk meningkatkan taraf hidup dan menjamin mutu kehidupan yang lebih sempurna, hal ini terbukti apabila rancangan – rancangan pembangunan tanah dan penempatan yang dilaksanakan lebih tertumpu di kawasan-kawasan luar bandar.

Bagi menjamin kehidupan para peneroka lebih sempurna pelbagai usaha yang proaktif telah dilaksanakan untuk membangunkan masyarakat FELDA terutamanya golongan belia yang akan menjadi pewaris peneroka. Mengikut anggaran jumlah belia di seluruh Felda adalah seramai 333,832 orang. Belia Felda merupakan generasi muda yang berumur 16 hingga 40 tahun, dan mereka juga dikenali sebagai generasi ke 2 atau ke 3 atau generasi baru. Pelbagai usaha telah dijalankan bagi memastikan golongan ini berada pada landasan yang betul dan tidak terjerumus ke arah gejala sosial yang tidak menyihatkan, contohnya seperti program pembangunan dan pemantapan sahsiah dan jati diri seperti Kem Bina Remaja, Kursus Pembinaan Sahsiah dan Jati Diri diadakan di semua peringkat Wilayah, program sukarelawan FELDA melalui penubuhan JPA3 dan lain-lain lagi. Selain itu juga terdapat banyak kemudahan yang disediakan misalnya seperti kemudahan pendidikan kepada anak-anak Felda, antaranya adalah merangkumi kursus dan latihan kemahiran serta pemberian biasiswa,geran pelajaran dan dermasiswa bagi melahirkan anak-anak Felda yang berjaya.

Namun hal ini lebih mendorong generasi muda untuk migrasi keluar dan memilih untuk bekerja sebagai kakitangan kerajaan, bank, swasta mahupun di sektor perkilangan daripada menyambung atau mewarisi pekerjaan ibubapa mereka sebagai peneroka. Maka ladang seluas 10 ekar yang diperuntukkan kepada ibu bapa mereka akan diusahakan oleh buruh asing atau terbiar begitu sahaja, hal ini terbukti melalui kajian yang dibuat oleh pihak Felda sendiri di mana menunjukkan 54.4% peneroka mengupah kerja kebun mereka keseluruhannya, manakala sebanyak 25.2% peneroka pula mengupah kerja kebun mereka sebahagian sahaja dan 22.4% peneroka tidak mengupah dan masih mengerjakan

kebun sendiri. Selain itu juga seramai 95% daripada jumlah tenaga kerja kebun yang diupah oleh peneroka adalah terdiri daripada buruh asing iaitu seramai 7,862 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 3,492 yang mempunyai permit bermajikan kepada Koperasi, JKKR, pemborong dan peneroka individu. Berdasarkan kajian tersebut wujud persoalan, apakah faktor-faktor yang mendorong kebanyakan peneroka untuk mengupah buruh asing bagi mengusahakan tanah mereka, sedangkan kerja-kerja tersebut mampu dilakukan oleh generasi muda sendiri dan ke manakah halatuju generasi muda tersebut iaitu seramai 333,832 orang berdasarkan anggaran, sekiranya mereka tidak memilih untuk mengusahakan tanah ibu bapa mereka.

1.2 OBJEKTIF

Dalam kajian ini, terdapat dua objektif yang boleh dibentuk dan objektif tersebut dibahagikan kepada dua bahagian iaitu umum dan khusus.

Objektif Umum :-

Mengkaji punca dan kesan migrasi generasi muda Felda terhadap sosioekonomi komuniti Felda.

Objektif Khusus :-

1. Mengenalpasti punca migrasi generasi muda Felda.
2. Mengkaji kesan migrasi generasi muda Felda terhadap sosioekonomi peneroka Felda.
3. Mengkaji kesan migrasi generasi muda Felda terhadap pendapatan peneroka.
4. Mengkaji samada migrasi generasi muda Felda membawa perubahan corak kehidupan generasi itu sendiri dan keluarga mereka.

1.3 SKOP KAJIAN

Skop Kajian penyelidikan yang akan dibuat kelak adalah lebih tertumpu kepada penilaian dampak migrasi generasi muda Felda, di mana kajian akan lebih tertumpu kepada punca dan kesan migrasi tersebut ke atas sosioekonomi komuniti Felda. Selain itu juga kajian ini dibuat adalah untuk melihat atau mengkaji adakah migrasi generasi muda tersebut dapat mengubah cara hidup dan ekonomi individu tersebut khasnya dan keluarga mereka amnya.

Kajian ini akan dilakukan di tanah rancangan FELDA di Wilayah Johor dan untuk lebih terperinci lagi di kawasan Gugusan Felda Maokil, Labis dan Felda Kahang Timur, Kluang. Kawasan Felda Maokil ini mula dibuka antara tahun 1984 sehingga 1986 dan mula menerima kemasukan orang ramai pada tahun 1989 dan terletak di antara 24 km dari Chaah dan Labis. Penduduk disini telah bermastautin sejak 16 tahun yang lalu. Penduduknya terdiri daripada bangsa Melayu sahaja dan terdiri daripada dua generasi. Penduduk yang berhijrah ke Felda ini datangnya dari seluruh negeri dalam Malaysia. Tanah rancangan Felda Maokil ini dinamakan sebagai Felda Maokil kerana diambil sempena nama sebuah gunung iaitu Gunung Maokil. Manakala Felda Kahang Timur pula telah dibuka pada tahun 1973 dengan luas kawasan seluas 1952.14 hektar dan jumlah penduduk seramai 4127 orang. Kajian yang dijalankan adalah berdasarkan masalah yang dihadapi untuk mendapatkan data migrasi generasi kedua Felda serta kesannya terhadap sosioekonomi peneroka Felda.

Kajian ini menggunakan data primer dan data sekunder, data primer diperolehi melalui borang soal selidik yang dilakukan di dua tanah rancangan Felda di Wilayah Johor iaitu Gugusan Felda Maokil, Labis dan Felda Kahang Timur, Kluang, bilangan responden yang disasarkan adalah seramai 200 orang responden yang terdiri daripada peneroka dan penerokawati serta generasi muda atau belia Felda. Manakala data sekunder pula diperolehi daripada pejabat-pejabat Felda di setiap kawasan kajian yang dipilih.

Selain itu, kajian ini akan menggunakan pendekatan statistik dan ekonometrik khususnya didalam konteks memperjelaskan lagi hubungan diantara pembolehubah bersandar iaitu sosioekonomi dengan pembolehubah-pembolehubah bebas yang mempengaruhi keputusan individu untuk migrasi. Diantara pembolehubah-pembolehubah bebas yang dihipotesiskan adalah seperti umur generasi muda Felda, jantina, status perkahwinan, tahap pendidikan, tingkat pendapatan dan lama kawasan telah diterokai, model yang digunakan bagi tujuan ini ialah model ekonometrik probit.

1.4 KESIMPULAN

Penubuhan Felda sememangnya bertujuan untuk meningkatkan taraf ekonomi masyarakat pedalaman dan luar bandar yang miskin dan tidak bertanah. Bagi mencapai tujuan tersebut setiap peneroka dibei tanah seluas 10 ekar(40,000 m²) dan penempatan untuk mengusahakan ladang Kelapa Sawit ataupun getah, tindakan Felda itu sememangnya mengubah cara hidup masyarakat tersebut begitu juga dengan ekonomi mereka. Namun setelah sekian lama mereka berbudi pada tanah seluas 10 ekar yang diberikan, kini kebanyakan peneroka Felda menghadapi masalah di mana anak-anak mereka enggan atau tidak berminat untuk meneruskan usaha yang telah dimulakan sejak 50 tahun dahulu, bagi mengelakan tanah tersebut terbiar begitu sahaja maka langkah mengupah buruh asing untuk mengusahakan tanah tersebut adalah pilihan terbaik. Generasi kedua atau belia Felda kini lebih berminat untuk memilih pekerjaan di kawasan bandar berbanding membanting tulang untuk mengusahakan tanah 10 ekar yang selama ini diusahakan ibu bapa mereka, maka tidak hairanlah jika ramai belia-belie Felda pada hari ini bermigrasi keluar dari Felda bagi mencari perkerjaan di kawasan bandar yang menawarkan upah yang lebih tinggi.

BAB II

SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.0 PENDAHULUAN

Pada umumnya migrasi boleh didefinisikan sebagai satu penghijrahan sekumpulan manusia dari satu negara ke satu negara yang lain untuk meningkatkan taraf hidup dan ekonomi mereka. Sebagai contohnya pada tahun ke-5 kerasulan, Nabi Muhammad S.A.W dan para sahabat telah melakukan proses penghijrahan atau migrasi dari Mekah ke Madinah untuk mempertahankan akidah dan agama Islam. Namun pada masa kini migrasi bukan sahaja satu penghijrahan dari satu negara ke satu negara, tetapi terdapat juga migrasi dari satu tempat ke tempat dan lain-lain lagi.

Golongan muda pada masa kini juga turut melakukan migrasi secara tidak langsung, di mana mereka lebih berminat atau cenderung untuk memilih pekerjaan di sektor-sektor perkilangan, perindustrian dan lain-lain lagi berbanding menceburkan diri dalam sektor pertanian, hal ini terbukti apabila pada tahun 1957 sahaja, migrasi buruh dari sektor pertanian adalah seramai 515 410 orang, sementara antara tahun 1970 hingga 1980 seramai meningkat kepada 953 680 orang (Abd. Malik dan Mohaini, 1992). Akibatnya dalam tempoh RML, sektor pertanian telah menghadapi kekurangan tenaga buruh (Malaysia, 1991).

Penghijrahan tenaga buruh dari sektor pertanian ke sektor bukan pertanian ini mengakibatkan kekurangan tenaga buruh di sektor pertanian, mengikut kajian Persatuan Peladang Bersatu Malaysia (UPAM), bilangan ladang di Semenanjung Malaysia yang mengalami masalah tenaga buruh telah meningkat tahun demi tahun. Pada 1987, 37.1 peratus daripada 485 buah ladang yang dikaji menghadapi masalah kekurangan tenaga buruh dan jumlah kekurangan buruh adalah 9395 orang. Pada 1988 pula, peratusan ini telah meningkat kepada 39.9 peratus dan kepada 57.4 peratus pada 1991. Jumlah kekurangan buruh pula telah meningkat kepada 9600 orang pada 1988 dan 12 277 orang pada 1991.

Selain itu penghijrahan tenaga buruh dari sektor pertanian ke sektor bukan pertanian ini juga turut mengakibatkan para pemilik tanah terpaksa mengupah tenaga buruh asing untuk mengushakan tanah mereka, hal ini terbukti apabila kebanyakan peneroka pada hari ini terpaksa mengupah buruh asing iaitu seramai 7,862 orang untuk mengusahakan tanah mereka. Terdapat pelbagai faktor yang memainkan peranan mengapa anak-anak petani, terutama pekebun-pekebun kecil tidak berminat terhadap sektor pertanian dan sanggup bermigrasi keluar. Antaranya adalah seperti keadaan sosio-ekonomi di sektor pertanian yang rendah, terutama di ladang-ladang, terdapat peluang pekerjaan yang menawarkan pendapatan yang lebih tinggi dan terjamin dalam sektor perindustrian, imej pekerjaan di sektor perindustrian lebih tinggi; dan kemudahan sosial yang lebih baik di bandar. Peluang membaiki taraf ekonomi melalui pendapatan di sektor perkilangan dan perkhidmatan lebih terjamin. Sebaliknya, pendapatan di sektor pertanian tidak stabil. Lagipun menukar tanaman yang dapat memberikan pendapatan yang tinggi tidak dapat dilakukan dengan serta-merta. Tahap pendidikan belia juga telah menyebabkan mereka lebih tertarik kepada peluang pekerjaan di sektor bukan pertanian. Kebanyakan belia di sektor pertanian, terutama yang berpendidikan dan produktif tidak berminat mencebur diri dalam bidang pertanian (Abd. Malik dan Mohaini 1992, Aliasak et. al 1993, dan Ahmad 1993).

Golongan belia Felda turut tidak terkecuali, apabila mereka juga lebih berminat untuk migrasi ke bandar untuk mencari pekerjaan di sektor-sektor swasta, akibat daripada faktor-faktor seperti membaiki taraf ekonomi, tahap pendidikan dan lain-lain lagi, berbanding mengusahakan tanah seluas 10 ekar milik ibu bapa mereka. Bagi mengetahui lebih terperinci faktor –faktor yang mempengaruhi golongan belia Felda ini migrasi dan kesan migrasi tersebut kepada sosioekonomi masyarakat setempat, maka kaedah tinjauan dan analisis ekonometrik probit digunakan, selain itu terdapat juga beberapa kajian lepas yang digunakan sebagai rujukan dan juga bagi mengukuhkan lagi kajian ini.

2.1 ULASAN KARYA

2.1.1 Faktor Migrasi

Terdapat pelbagai faktor atau punca yang mempengaruhi para belia untuk migrasi. Faktor-faktor tersebut boleh dibahagikan kepada dua iaitu faktor tolakan dan faktor tarikan, kedua-duanya memainkan peranan penting.

Pada tahun 2000 dianggarkan seramai 138,270 orang berpindah ke negeri Selangor dari negeri-negeri lain di Malaysia manakala penduduk Wilayah Persekutuan susut seramai kira-kira 54,705 orang. Negeri Selangor mengalami tambahan bersih seramai 45,831 orang. Sebahagian daripada migran berasal dari kawasan tengah bandar. Migrasi ke kawasan peri-metropolitan ini dipacu oleh beberapa faktor seperti keadaan yang terdapat di kawasan teras khususnya kepadatan penduduk yang tinggi; harga dan sewa rumah di kawasan teras yang mahal. Selain itu juga Mereka berpindah ke pinggir kerana tertarik dengan peluang pekerjaan, ingin memiliki rumah atau tapak rumah kediaman ataupun kemudahan komuniti termasuk pusat membeli belah moden yang baru dibina di kawasan pertumbuhan baru di pinggir metropolitan. (Katiman Rostam,2005)

Kesanggupan isirumah untuk migrasi bagi mencari pekerjaan dan kemudahan pengguna adalah salah satu faktor penting yang menyebabkan peralihan penawaran tenaga buruh tempatan. Hal ini jelas di beberapa kawasan di Amerika Syarikat yang memperlihatkan penurunan yang mendadak bagi populasi golongan muda, golongan berpendidikan dan lain-lain lagi. Kebanyakan yang bermigrasi akan ke bandar yang menarik minat untuk berniaga, dan secara tidak langsung menyebabkan bandar tersebut berkembang maju. Firma pula lebih memilih kawasan bandar yang membangun, selain itu juga kajian ini mengkaji mengenai keputusan yang dibuat oleh isirumah yang berpendidikan tinggi dan telah berkahwin dalam umur lingkuan 20 hingga 35 tahun lebih memilih untuk migrasi ke tempat yang mempunyai kualiti perniagaan yang tinggi. (Yong Chen a, Stuart S. Rosenthal, 2006).

Selain itu juga faktor yang mempengaruhi migrasi adalah, jangkamasa kawasan telah dimajukan, misalnya kawasan Felda, migrasi keluar anak-anak peneroka lebih ketara di kawasan Felda yang telah lama dibuka atau dimajukan. Keadaan ini kerana anak-anak peneroka telah tamat persekolahan dan telah lebih dewasa berbanding kawasan yang baru dimajukan. Kebanyakan yang bermigrasi telah berumah tangga dan berumur dalam lingkungan lebih daripada 35 tahun. Faktor tingkat pelajaran juga mempengaruhi migrasi, ini bermakna semakin tinggi tingkat pelajaran anak-anak peneroka maka semakin tinggi kebarangkalian mereka untuk migrasi, begitu juga dengan faktor pendapatan sekarang anak peneroka yang telah berpindah, semakin tinggi pendapatan yang diterima semakin tinggi kebarangkalian untuk migrasi. (Asan Ali Golam Hassan & Hassan Ali.)

Keputusan individu untuk bermigrasi dibuat berdasarkan jangkaan pendapatan yang akan diterima atau kepuasan bermigrasi berbanding tidak migrasi. Migrasi berlaku apabila keuntungan bersih adalah positif dan sebarang faktor yang mengurangkan keuntungan bersih akan menyebabkan migrasi tidak berlaku. Selain itu apabila modal insan, tingkat pendidikan di kawasan pedalaman dapat ditingkatkan melalui kesan luaran akan menyebabkan masyarakat pedalaman tertarik untuk tinggal di pedalaman dan tidak migrasi ke bandar. (Zhiqiang Liu, 2008).

Jantina, umur dan tingkat pendidikan lazimnya merupakan faktor yang mempengaruhi keputusan untuk migrasi, berdasarkan laporan migrasi jumlah kaum lelaki yang migrasi meningkat daripada 26.9 peratus pada tahun 1997 kepada 34.7 peratus pada tahun 2000, sementara kaum wanita pula hanya meningkat sedikit iaitu daripada 12.5 peratus kepada 14.2 peratus dalam tahun yang sama. Walaubagaimanapun berdasarkan kajian daripada Zhang (2004) yang melaporkan kadar migrasi bagi lelaki dan perempuan adalah sama dan golongan yang berpelajaran juga berminat untuk migrasi pada tahun 2000 berbanding tahun 1997. Selain jantina, umur dan tingkat pendidikan, faktor – faktor lain seperti bilangan anak dan saiz keluarga juga mempengaruhi keputusan untuk migrasi. (Yang Du, Albert Park, 2005).

Faktor migrasi boleh di bahagi kepada dua iaitu faktor tolakan dan faktor tarikan, faktor tarikan misalnya dalah seperti kepelbagaian pekerjaan dan kerjaya di bandar-bandar besar, di mana peluang yang tersedia menarik minat atau mempengaruhi keputusan untuk migrasi. Sebagai contoh pada tahun 1531 di Manisa seramai 87 orang direkodkan bekerja di dalam 36 jenis pekerjaan, hal ini menunjukkan terdapat banyak peluang pekerjaan di bandar-bandar besar. Faktor tolakan untuk migrasi di kawasan pedalaman adalah tanah yang diduduki tidak sesuai untuk diusahakan kerana merupakan kawasan berbatu dan berisiko untuk gempa bumi, hal ini merupakan faktor tolakan utama masyarakat pedalaman berpindah atau migrasi. (Osman Gu'mu'').

Strategi pembangunan di kawasan pedalaman seperti kemudahan kredit untuk petani-petani kecil, peningkatan dalam pendidikan, pembangunan infrastruktur misalnya kemudahan elektrik, jalan raya dan lain-lain lagi,. Selain itu dengan memberi motivasi seperti meningkatkan kualiti hidup dan cara-cara meningkatkan atau menambahkan pendapatan di kawasan pedalaman seharusnya dapat mengurangkan migrasi masyarakat ke bandar, kekurangan yang ada sebelum ini merupakan antara faktor yang mempengaruhi untuk migrasi. (Cris Beauchemin).

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.0 PENDAHULUAN

Kajian ini tertumpu di dua buah tanah rancangan Felda di wilayah Johor iaitu Felda Maokil dan Felda Kahang Timur yang mana kedua-dua tanah rancangan tersebut turut mengalami masalah kekurangan tenaga buruh bagi mengusahakan kebun atau ladang kelapa sawit dan hal ini mengakibatkan kawasan tersebut dibanjiri buruh asing yang diupah untuk mengerjakan kebun peneroka. Seterusnya kajian ini, bertujuan untuk mengkaji dan mengenalpasti punca dan kesan migrasi belia dengan menggunakan model Probit. Bagi mencapai objektif kajian, spesifikasi model kajian amat penting bagi menyokong segala persoalan kajian yang diutarakan. Dalam kajian ini data yang digunakan adalah data primer yang diperolehi daripada soal selidik atau pertanyaan secara langsung terhadap komuniti Felda di kawasan kajian yang dipilih misalnya generasi muda yang telah migrasi, peneroka dan lain-lain lagi.

3.1 ANALISIS KAJIAN

Analisis kajian ini adalah tertumpu kepada komuniti masyarakat di dua buah Felda di Wilayah negeri Johor. Pensampelan dilakukan secara rawak ke atas 150 individu yang telah bermigrasi keluar dari kawasan Felda

Data akan dianalisis dengan menggunakan analisis diskriptif dan regresi Binari logistik untuk melihat kebarangkalian individu dan keluarga menerima kesan migrasi terhadap sosioekonomi. Pembolehubah bersandar dalam kajian ini berbentuk diktomus iaitu sama ada menerima kesan atau tidak. Memandangkan pembolehubah bersandar berbentuk diktomus dan pembolehubah bebas yang digunakan kebanyakannya berbentuk dami maka model ini sesuai dianggarkan dengan menggunakan model logit binomial. Model yang dianggarkan secara umumnya adalah seperti berikut:

$$P_i = E(Y = 1/X) = 1 / (1 + e^{-z}) \quad (1)$$

Dengan P_i adalah kebarangkalian bagi responden yang menerima kesan migrasi iaitu $Y = 1$ dan $Y = 0$ bagi responden yang tidak menerima kesan migrasi daripada dua aspek iaitu sosial dan ekonomi.

Persamaan (1) boleh ditulis dalam bentuk berikut:

$$P_i = 1 / (1 + e^{-z}) = e^z / (1 + e^z) \quad (2)$$

Jika P_i adalah kebarangkalian bagi responden menerima kesan migrasi $Y=1$ maka kebarangkalian bagi reponden tidak menerima kesan migrasi ialah $Y=0$ ialah $(1-P)$. Oleh itu kebarangkalian tidak menerima kesan migrasi ialah:

$$(1-P_i) = 1 / (1+e^z) \quad (3)$$

Oleh itu ratio kebarangkalian untuk responden kesan migrasi adalah dalam persamaan (4) iaitu:

$$P_i / (1 - P_i) = e^z \quad (4)$$

Dengan mengambil natural log bagi persamaan (4) maka akan mendapat persamaan (5) iaitu:

$$\begin{aligned} L = \text{Ln} (P_i / (1 - P_i)) &= e^z \\ &= Z_i \\ &= f(X) \end{aligned} \quad (5)$$

Berdasarkan persamaan (5) penyelidikan ini juga menguji beberapa pembolehubah yang dipertimbangkan mempengaruhi kebarangkalian menerima kesan migrasi iaitu:

$$Z_i = \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + \dots + \beta_i X_i \quad (6)$$

Dimana Z_i adalah satu fungsi $f(X)$ dengan X adalah pembolehubah bebas yang dipertimbangkan iaitu jantina, umur, tahap pendidikan, pendapatan bulanan, tahun migrasi dan bilangan tanggungan.

3.2 MODEL KAJIAN

Bagi memperkuat lagi kajian ini, pendekatan statistik dan ekonometrik digunakan bagi memperjelaskan hubungan diantara pembolehubah bersandar migrasi iaitu dengan pembolehubah-pembolehubah bebas yang mempengaruhi generasi muda untuk migrasi. Selain itu pembolehubah bebas yang telah dispefikasikan adalah seperti berikut :-

1. Umur
2. Jantina
3. Tahap pendidikan
4. Pendapatan semasa
5. Tahun Migrasi

Model yang digunakan bagi tujuan ini ialah model Binari Logit yang dispefikasikan seperti berikut dan di bahagikan kepada empat persamaan :-

1. Kesan Migrasi terhadap responden bagi aspek ekonomi.

$$Y_i = \beta_1 + \beta_2 X_{2i} + \beta_3 X_{3i} + \beta_4 X_{4i} + \beta_5 X_{5i} + e_i$$

Apabila : Y	=	Kesan Responden - Ekonomi
X ₂	=	Umur anak peneroka
X ₃	=	Jantina anak peneroka
X ₄	=	Tahap pendidikan
X ₅	=	tingkat pendapatan anak peneroka
X ₆	=	Tahun Migrasi

2. Kesan Migrasi terhadap responden bagi aspek sosial.

$$Y_i = \beta_1 + \beta_2 X_{2i} + \beta_3 X_{3i} + \beta_4 X_{4i} + \beta_5 X_{5i} + e_i$$

Apabila : Y = Kesan Responden - Sosial
X₂ = Umur anak peneroka
X₃ = Jantina anak peneroka
X₄ = Tahap pendidikan
X₅ = tingkat pendapatan anak peneroka
X₆ = Tahun Migrasi

3. Kesan Migrasi terhadap Keluarga bagi aspek ekonomi.

$$Y_i = \beta_1 + \beta_2 X_{2i} + \beta_3 X_{3i} + \beta_4 X_{4i} + \beta_5 X_{5i} + e_i$$

Apabila : Y = Kesan Keluarga - Ekonomi
X₂ = Umur anak peneroka
X₃ = Jantina anak peneroka
X₄ = Tahap pendidikan
X₅ = tingkat pendapatan anak peneroka
X₆ = Tahun Migrasi

4. Kesan Migrasi terhadap responden bagi aspek ekonomi.

$$Y_i = \beta_1 + \beta_2 X_{2i} + \beta_3 X_{3i} + \beta_4 X_{4i} + \beta_5 X_{5i} + e_i$$

Apabila : Y = Kesan Keluarga - Sosial
X₂ = Umur anak peneroka
X₃ = Jantina anak peneroka
X₄ = Tahap pendidikan
X₅ = tingkat pendapatan anak peneroka
X₆ = Tahun Migrasi

3.3 PENGUJIAN MODEL

Setelah soal selidik selesai dan data yang dikumpul daripada borang soal selidik bagi setiap responden tersebut, kemudiannya dimasukkan ke dalam perisian '*Statistical Package For The School Science*' (SPSS) untuk mendapatkan hasil kajian. Seterusnya, melakukan ujian t-test dan ujian F-test iaitu pengujian anova untuk menganalisis serta melihat hubungan diantara pembolehubah-pembolehubah yang memainkan peranan penting dalam kajian iaitu umur, pendapatan, pendidikan dan jantina. Ujian analisis data ini telah membuktikan samada pembolehubah-pembolehubah ini mempengaruhi belia untuk migrasi.

3.4 PEMBENTUKAN SOAL SELIDIK

Pembentukan borang soal selidik dalam kajian ini terdiri daripada empat bahagian. Bahagian A ialah berkaitan latar belakang responden yang meliputi jantina, umur, kewarganegaraan, taraf perkahwinan, taraf pendidikan, kategori pekerjaan, bilangan tanggungan dan jumlah pendapatan bulanan. Manakala bahagian B pula ialah maklumat berkenaan dengan migrasi atau tidak. Dalam bahagian ini, responden akan didedahkan dengan soalan berkaitan tempoh masa telah migrasi, faktor migrasi, kesan migrasi pada individu itu sendiri dan juga kepada keluarga. Bahagian C pula adalah pandangan responden mengenai migrasi di kalangan belia muda Felda sendiri.

3.4.1 Lokasi Kajian

Kajian ini dilakukan di tanah rancangan Felda di Wilayah Johor dan untuk lebih terperinci lagi, di kawasan Gugusan Felda Maokil, Labis dan Felda Kahang Timur, Kluang. Felda Maokil mula dibuka antara tahun 1984 sehingga 1986, dan terletak 24 km dari pekan Chaah dan Labis, manakala Felda Kahang Timur pula mula dibuka pada tahun 1973 dengan luas kawasan seluas 1952.14 hektar. Dua buah tanah rancangan Felda ini dipilih sebagai lokasi utama kajian ini kerana ia merupakan tanah rancangan yang telah

lama dibuka dan telah memiliki generasi kedua atau belia, hal ini bersesuaian dengan kajian yang dibuat mengenai migrasi yang berlaku dikalangan generasi kedua.

3.4.2 Pemilihan Sampel Kajian

Dalam kajian ini, sampel saiz responden telah dipilih adalah seramai 150 orang yang terbahagi kepada dua kategori iaitu 75 orang dari Gugusan Felda Maokil serta 75 responden lagi dari Felda Kahang Timur. Seterusnya, responden yang disasarkan adalah berada dalam lingkungan umur antara 18-60 tahun akan diberi keutamaan. Ini kerana responden yang berada dalam lingkungan ini dijangka mempunyai pekerjaan serta pendapatan bulanan yang tetap dan sangat mempengaruhi hasil kajian ini.

3.5 KESIMPULAN

Kesimpulannya, bab ini menjelaskan tentang kawasan kajian, iaitu di dua buah tanah rancangan Felda di Wilayah Johor. Dalam kajian ini model Binari logit telah diaplikasikan untuk melihat kebarangkalian penerimaan kesan migrasi keluar dan faktor-faktor yang mempengaruhi kebarangkalian tersebut. Selain itu juga dalam bab ini pembentukan borang soal selidik turut diterangkan dan diperincikan bagi melaksanakan kaedah tinjauan untuk mengumpul data.

BAB IV

ANALISIS HASIL KAJIAN

4.0 PENDAHULUAN


Spesifikasi model kajian adalah amat penting bagi menyokong segala persoalan kajian yang diutarakan dengan tujuan untuk mencapai objektif kajian. Sebanyak 150 keping soal selidik telah diedarkan kepada komuniti masyarakat Felda Maokil dan Felda Kahang Timur dan maklumat daripada soal selidik responden akan dianalisis dengan menggunakan analisis diskriptif dan menggunakan model regresi Binomial Logit. Maklumat akan dibahagikan kepada empat bahagian daripada soal selidik iaitu bahagian A merupakan latar belakang responden, bahagian B adalah penilaian migrasi oleh responden, bahagian C pula merujuk kepada pendapat masyarakat terhadap migrasi. Analisis ini dilakukan dengan tujuan untuk melihat taburan responden dan untuk mengukur perkaitan pembolehubah yang terlibat dalam menjawab penyelidikan ini.

4.1 Analisis Diskriptif

4.1.1 BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG RESPONDEN


Bahagian A adalah melibatkan maklumat daripada responden dari segi latar belakang responden seperti jantina, umur, taraf perkahwinan, tahap pendidikan, jenis pekerjaan, pendapatan, tanggungan dan kawasan tempat tinggal. Maklumat tersebut amat penting bagi membantu dalam penyelidikan ini untuk mendapatkan hasil yang lebih tepat dan terdapat beberapa pembolehubah yang digunakan dalam model di bahagian ini.

Rajah 4.1 : Taburan Responden Mengikut Jantina



Rajah 4.1 di atas dapat menerangkan peratus responden golongan lelaki dan perempuan dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati bahawa daripada 150 responden yang telah di soal selidik, seramai 77 orang iaitu sebanyak 51.3 peratus adalah lelaki dan 73 orang iaitu 48.70 peratus adalah jumlah responden perempuan. Berdasarkan daripada hasil kajian juga, didapati bahawa responden adalah terdiri daripada umur 20 tahun hingga 42 tahun dan jumlah purata umur responden adalah 28 tahun.

Rajah 4.2 : Taburan Responden Mengikut Taraf Perkahwinan



Berdasarkan Rajah 4.2, taburan responden mengikut taraf perkahwinan di kategorikan kepada tiga iaitu bujang, berkahwin dan lain-lain. Bilangan responden yang berkahwin telah menunjukkan yang tertinggi iaitu sebanyak 75.50 peratus berbanding dengan responden yang masih bujang iaitu sebanyak 73.49 peratus dan di ikuti lain-lain iaitu 2.1 peratus. Hal ini selari dengan purata umur responden yang diperolehi iaitu golongan responden yang tertinggi adalah berada pada lingkungan umur diantara 20 hingga 30 tahun.


Jadual 4.1 : Taburan Responden Mengikut tahap pendidikan

Tahap Pendidikan	Bil. Responden	Peratus (%)
Tiada pendidikan formal	2	1.33%
Sekolah rendah	3	2%
PMR	16	10.67%
SPM	63	42%
STPM/Diploma	49	32.67%
Ijazah	17	11.33%
Jumlah	150	100

Berdasarkan daripada jadual 4.1 di atas, sebahagian besar responden yang menjawab soal selidik adalah daripada kalangan yang berpendidikan SPM/MCE yang mencatatkan jumlah responden tertinggi seramai 63 orang iaitu 42 peratus. Diikuti seramai 49 orang

responden iaitu 49 peratus memiliki pendidikan STPM/DIPLOMA. Namun hanya segelintir sahaja berpendidikan Ijazah dan ke atas iaitu seramai 17 orang atau 11.33 peratus daripada keseluruhan responden. Responden yang mempunyai tahap pendidikan PMR/SRP, Sekolah rendah dan tiada pendidikan formal pula masing –masing mencatatkan jumlah 10.67 peratus atau 16 orang, 2 peratus atau 3 orang dan 1.33 peratus atau 2 orang.

Rajah 4.3 : Taburan Responden Mengikut Jenis Pekerjaan



Berdasarkan Rajah 4.3 di atas carta pai menunjukkan terdapat 3 jenis pekerjaan pekerjaan responden iaitu sektor awam, swasta dan bekerja sendiri. Jenis pekerjaan tertinggi adalah dalam sektor swasta iaitu seramai 105 orang responden atau 105.70 peratus, manakala sektor awam pula mencatatkan kedua tertinggi iaitu seramai 38 orang atau 38.25 peratus dan jumlah responden yang bekerja sendiri hanya mencatatkan jumlah yang kecil iaitu seramai 7 orang atau sebanyak 7.5 peratus sahaja.

Hasil kajian yang diperoleh daripada soal selidik juga menunjukkan bahawa purata pendapatan responden adalah RM 1047.25. Hal ini kerana kebanyakan responden menjawat jawatan dalam sektor kerajaan dan swasta. Selain itu juga bagi responden yang bekerja sendiri pula pendapatan yang lazimnya mereka peroleh adalah dalam lingkungan RM 2000 sehingga RM 4000.

Bahagian latar belakang responden ini juga turut mengkaji bilangan tanggungan responden seperti anak dan ibu bapa yang di bawah tanggungan dan jagaan responden itu sendiri, bilangan tanggungan di sini adalah di dalam lingkungan 0 sehingga 7 orang dan purata tanggungan setiap responden adalah seramai 2 orang. Walaupun hasil kajian daripada taburan responden mengikut taraf perkahwinan menunjukkan jumlah responden yang berkahwin adalah tinggi namun jumlah tanggungan tertinggi adalah sifar iaitu sebanyak 52.67 peratus, hal ini kerana terdapat 73 orang responden belum berkahwin dan terdapat juga responden yang belum mendapat anak setelah berkahwin.

4.1.2 BAHAGIAN B : PENILAIAN MIGRASI OLEH RESPONDEN

Hasil kajian daripada bahagian ini adalah merujuk kepada penilaian migrasi oleh responden, dalam bahagian ini antara hasil kajian yang diperolehi adalah seperti jumlah tahun bermigrasi sebab atau faktor migrasi dan kesan migrasi terhadap sosioekonomi responden dan keluarga. Kesan migrasi ini dilihat pada dua aspek iaitu aspek sosial dan ekonomi, dalam soal selidik bahagian kesan ini dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu kesan migrasi terhadap sosioekonomi kepada responden bagi aspek ekonomi dan sosial, manakala bahagian kedua pula adalah kesan migrasi terhadap sosioekonomi kepada keluarga bagi aspek ekonomi dan sosial.


Jadual 4.2 : Taburan Responden Mengikut faktor migrasi

Faktor Migrasi	Bil. Responden	Peratus (%)
Pekerjaan	145	96.67
Melanjutkan pelajaran	1	0.67
Berkahwin	4	2.67
Jumlah	150	100

Berdasarkan daripada jadual 4.2 di atas, sebahagian besar faktor responden bermigrasi adalah disebabkan memperoleh atau mencari pekerjaan iaitu seramai 145 orang atau sebanyak 96.67 peratus, hal ini selari dengan taburan responden mengikut jenis pekerjaan di mana sebahagian besar responden memperoleh pekerjaan di sektor swasta dan sektor awam. Hanya segelintir responden sahaja mempunyai faktor migrasi untuk melanjutkan pelajaran dan berkahwin iaitu masing-masing seorang dan 4 orang atau 0.67 peratus dan 2.67 peratus daripada jumlah keseluruhan.

Merujuk kepada soalan jumlah tahun bermigrasi pula, dapat dilihat lingkungan jumlah tahun responden bermigrasi adalah 1 sehingga 20 tahun dan purata tahun responden telah bermigrasi adalah 5 tahun. Namun kebanyakan responden yang telah migrasi keluar dari Felda adalah selama 1 dan 2 tahun iaitu masing-masing seramai 26 dan 27 orang, hal ini adalah disebabkan faktor migrasi adalah untuk bekerja.

Rajah 4.4 : Kesan Migrasi Terhadap Ekonomi Responden




Penganalisan bahagian ini adalah untuk mengakaji kesan daripada migrasi yang diperolehi oleh responden secara tidak langsung melibatkan wujudnya peluang peningkatan pendapatan, peningkatan aset, pekerjaan dan peningkatan kos sara hidup. Bagi responden yang menerima kesan secara langsung dari migrasi lebih cenderung untuk menjawab “ya” dan jika sebaliknya akan menjawab “tidak”.

Berdasarkan Rajah 4.4 di atas menunjukkan kesan wujud peningkatan pendapatan akibat daripada migrasi telah diperakui oleh responden bahawa mereka memang memperoleh kesan tersebut. Bagi yang mengatakan “ya” memperoleh peningkatan pendapatan daripada migrasi adalah sebanyak 94.0 peratus, berbanding hanya segelintir sahaja yang mengatakan “tidak” menerima kesan tersebut iaitu sebanyak 6.0 peratus. Bagi kesan kedua ialah wujud pemilikan aset dengan bermigrasi daripada hasil kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa responden yang menerima kesan pemilikan aset adalah sebanyak 88 peratus berbanding 12 peratus responden yang tidak bersetuju.

Selain itu juga responden turut menerima kesan perubahan status pekerjaan secara tidak langsung dari migrasi, hal ini bermaksud melalui migrasi responden dapat pekerjaan yang lebih baik. Seramai 92.70 peratus telah bersetuju dan seramai 7.3 peratus pula tidak menerima kesan tersebut secara tidak langsung.

kesan peningkatan kos sara hidup juga dikaji, hal ini kerana ia sejajar dengan kos yang terpaksa ditanggung oleh responden terutama penempatan di kawasan bandar. Seramai 91.3 peratus responden mengalami peningkatan kos sara hidup disebabkan migrasi yang dilakukan daripada bahagian luar bandar iaitu Felda ke bandar, manakala hanya segelintir tidak bersetuju menerima kesan tersebut walaupun secara tidak langsung.

Rajah 4.5 : Kesan Migrasi Terhadap Sosial Responden




Bahagian ini pula adalah untuk mengkaji kesan daripada migrasi terhadap sosial yang diperolehi oleh responden secara tidak langsung, seperti wujudnya peningkatan tahap kesihatan, peningkatan tahap pendidikan, peningkatan tahap keselamatan dan peningkatan penggunaan infrastruktur. Bagi responden yang menerima kesan secara langsung dari migrasi lebih cenderung untuk menjawab “ya” dan jika sebaliknya akan menjawab “tidak”.

Berdasarkan hasil kajian di Rajah 4.5 di atas menunjukkan samada responden menerima atau tidak kesan seperti wujudnya peningkatan tahap kesihatan akibat daripada bermigrasi, seramai 78.70 peratus responden memperakui bahawa mereka memang memperoleh kesan tersebut, berbanding seramai 21.3 peratus responden tidak bersetuju. Bagi kesan kedua ialah peningkatan tahap pendidikan dengan bermigrasi, daripada hasil kajian yang diperolehi berbeza di mana jumlah responden yang tidak bersetuju lebih ramai iaitu 53.30 peratus berbanding yang bersetuju iaitu 45.30 peratus

Selain itu juga responden turut menerima kesan peningkatan tahap keselamatan dan peningkatan penggunaan infrastruktur secara tidak langsung dari migrasi, hal ini bermaksud melalui migrasi responden dapat jaminan keselamatan yang lebih baik dan secara tidak langsung juga penggunaan infrastruktur oleh responden seperti jalan raya,

pusat beli-belah dan lain-lain lagi turut meningkat. Seramai 62.00 peratus telah bersetuju berlaku peningkatan tahap keselamatan dan seramai 96.00 peratus pula bersetuju menerima kesan peningkatan penggunaan infrastruktur.

Rajah 4.6 : Kesan Migrasi Terhadap Ekonomi Keluarga




Bahagian ini adalah untuk mengakaji kesan daripada migrasi yang dilakukan oleh responden secara tidak langsung memberi kesan kepada keluarga mereka, dari segi aspek ekonomi terdapat empat kesan yang wujud antaranya adalah seperti peningkatan pendapatan, peningkatan aset, upah buruh menjejaskan pendapatan dan beban tanggungan berkurangan. Bagi keluarga responden yang menerima kesan secara langsung dari migrasi lebih cenderung untuk menjawab “ya” dan jika sebaliknya akan menjawab “tidak”.

Rajah 4.6 di atas menunjukkan kesan wujud peningkatan pendapatan keluarga akibat daripada anak bermigrasi telah diperakui oleh responden bahawa keluarga mereka memang memperoleh kesan tersebut. Bagi yang mengatakan “ya” memperoleh peningkatan pendapatan daripada migrasi adalah sebanyak 76.7 peratus, berbanding hanya segelintir sahaja yang mengatakan “tidak” menerima kesan tersebut iaitu sebanyak 23.3 peratus. Bagi kesan kedua ialah wujud pemilikan aset keluarga kesan daripada ahli keluarga yang bermigrasi, daripada hasil kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa

keluarga responden yang tidak menerima kesan pemilikan aset adalah sebanyak 58.7 peratus berbanding 41.3 peratus responden yang bersetuju. Hal ini disebabkan antara bentuk bantuan dari anak yang migrasi adalah sejumlah kecil wang kiriman pada setiap bulan iaitu dalam lingkungan jumlah RM 50 sehingga RM1000, namun kebanyakan jumlah wang yang dikirimkan adalah RM50.

Selain itu juga migrasi turut memberi kesan ke atas pendapatan keluarga, di mana akibat daripada anak telah migrasi keluarga terpaksa mengupah buruh asing atau peneroka lain mengusahakan kebun, secara langsung pendapatan terjejas akibat bayaran upah yang diberikan. Berdasarkan rajah di atas seramai 52.00 peratus tidak bersetuju dan seramai 48.0 peratus pula bersetuju keluarga menerima kesan tersebut secara tidak langsung. Bagi kesan beban tanggungan berkurangan akibat daripada terdapat anak yang bermigrasi, kebanyakan responden bersetuju iaitu sebanyak 84.7 peratus dan 15.3 peratus mengatakan tidak bersetuju.

Rajah 4.7 : Kesan Migrasi Terhadap Sosial Keluarga



Berdasarkan hasil kajian di Rajah 4.7 di atas menunjukkan bahawa untuk mengkaji kesan daripada migrasi terhadap sosial yang diperolehi oleh keluarga responden secara tidak langsung, seperti wujudnya penurunan tahap kesihatan, peningkatan tahap pendidikan, penurunan tahap keselamatan dan peningkatan penggunaan infrastruktur. Bagi responden yang menerima kesan secara langsung dari migrasi lebih cenderung untuk menjawab “ya” dan jika sebaliknya akan menjawab “tidak”.

Hasil kajian yang diperolehi di Rajah 4.7 di atas menunjukkan samada keluarga responden menerima atau tidak kesan seperti wujudnya penurunan tahap kesihatan akibat daripada bermigrasi, seramai 78.70 peratus responden tidak memperakui bahawa keluarga mereka memang memperoleh kesan tersebut, berbanding seramai 21.3 peratus responden bersetuju. Hal ini turut sama bagi kesan kedua iaitu peningkatan tahap pendidikan keluarga iaitu adik – beradik daripada migrasi, daripada hasil kajian yang diperolehi berbeza di mana jumlah responden yang tidak bersetuju lebih ramai iaitu 58.30 peratus berbanding yang bersetuju iaitu 41.30 peratus .

Selain itu juga keluarga responden turut menerima kesan penurunan tahap keselamatan dan peningkatan taraf hidup secara tidak langsung dari migrasi, bagi kedua – dua bentuk kesan ini, hasil kajian yang diperolehi adalah berbeza bagi kedua-duanya, di

mana ramai responden tidak bersetuju berlaku kesan penurunan keselamatan kepada keluarga responden iaitu seramai 76.7 peratus, namun bagi kesan peningkatan taraf hidup pula kebanyakan responden bersetuju iaitu sebanyak 85.30 peratus

Jadual 4.3 : Taburan Responden mengikut jumlah upah

Upah (RM)	Buruh Asing	Peneroka
100	3	5
120	3	3
150	11	1
180	4	1
200	33	0
250	1	0
300	4	0
350	3	0
400	1	0
500	7	0
800	1	0
Jumlah	71	10


Merujuk kepada jadual di atas menerangkan jumlah upah yang dibayar oleh peneroka di dua buah kawasan kajian. Bagi mengusahakan tanah kebun terdapat dua jenis buruh yang diupah iaitu buruh asing daripada Indonesia atau peneroka lain, berdasarkan hasil kajian mendapati jumlah lingkungan upah yang dibayar adalah diantara RM 100 sehingga RM800 dalam sebulan. Jadual di atas dapat menerangkan bagi buruh asing purata upah yang lazimnya dibayar adalah RM 200, manakala hanya segelintir sahaja yang mengupah peneroka lain dengan jumlah purata upah yang dibayar adalah diantara lingkungan RM 100 sehingga RM 180. Hal ini adalah disebabkan faktor umur peneroka lain yang hampir sama dan tidak berdaya untuk mengusahakan tanah kebun sendiri.

Selain itu berdasarkan hasil kajian juga mendapati jumlah keluarga responden yang mengusahakan sendiri tanah kebun adalah seramai 70 orang atau 46.67 peratus manakala yang tidak mengusahakan sendiri pula adalah seramai 80 orang atau 53.33 peratus.

4.1.3 BAHAGIAN C : PENDAPAT MASYARAKAT TERHADAP MIGRASI

Bahagian C merupakan bahagian terakhir dalam soal selidik, dalam bahagian ini ia lebih lebih fokus kepada pendapat responden terhadap migrasi yang dilakukan mereka sendiri. Dalam bahagian ini terdapat enam pendapat positif dan negatif mengenai kesan migrasi ke atas responden dan kepada keluarga, setiap pendapat mempunyai skala 1 sehingga 5, di mana setiap nombor 1 hingga 5 tersebut mewakili jawapan responden terhadap pendapat yang diutarakan dalam soal selidik ini. Antara pendapat yang diutarakan adalah migrasi meningkatkan taraf ekonomi keluarga, individu yang bermigrasi berisiko kerosakan akhlak, migrasi anak menyebabkan keluarga terpaksa menyerahkan kerja kebun kepada buruh asing, sumbangan atau kiriman wang oleh anak migrasi tidak dapat menampung kos sara hidup keluarga, dan pendapat terakhir adalah berlaku peningkatan taraf hidup responden.

Rajah 4.8 : Pendapat Masyarakat Terhadap Migrasi



Berdasarkan Rajah 4.8 di atas yang menerangkan purata skala jawapan responden mengenai pendapat yang diajukan, purata semua responden bersetuju bagi setiap pendapat yang diutarakan mengenai migrasi iaitu pada skala jawapan 2. Walaubagaimanapun terdapat juga responden yang kurang bersetuju namun hanya segelintir. Secara keseluruhannya dapat dilihat bahawa masyarakat berpendapat migrasi yang dilakukan dapat menyumbang ke arah impak yang positif dan negatif kepada responden dan ahli keluarga.

4.2 HASIL KAJIAN MODEL BINOMIAL LOGIT

Bagi mencapai objektif kajian ini iaitu mengkaji kesan migrasi generasi muda Felda terhadap sosioekonomi masyarakat Felda, maka penyelidikan ini akan menggunakan model kajian binomial logit untuk melihat sejauhmana hubungan dan perkaitan di antara pembolehubah bersandar dengan pembolehubah bebas.

Pembolehubah bersandar dalam kajian ini adalah kesan migrasi dari segi aspek ekonomi dan sosial, yang diukur secara dikotomus, iaitu responden yang menerima kesan migrasi akan diwakili kod 1 manakala responden yang tidak menerima kesan diwakili kod 0. Kesan migrasi di sini diukur bagi dua pihak iaitu responden dan keluarga responden. Bagi melihat hubungan diantara pembolehubah bersandar dengan pembolehubah bebas tersebut maka hasil kajian yang diperolehi daripada soal selidik yang telah dilakukan akan diuji dengan menggunakan regresi logistik dalam model binomial logit.

Manakala untuk menguji keupayaan meramal regresi logistik, kaedah Hosmer dan Lemeshaw digunakan. Kaedah ini adalah menentukan sama ada pembolehubah bebas boleh membuat ramalan ke atas pembolehubah bersandar yang diukur dalam bentuk dikotomus dan nilai pekali yang diperolehi adalah menunjukkan kekuatan dan arah hubungan di antara pembolehubah. Antara hasil kajian adalah seperti yang dijelaskan di bawah.

4.2.1 Kesan Migrasi Dari Aspek Sosial Kepada Responden

Jadual 4.4 : Jadual Klasifikasi Regresi Logistik Kesan Migrasi Dari Aspek Sosial Kepada Responden (N=150)

Classification Table(a)

Observed		Predicted		
		Kesan Responden-Peningkatan tahap pendidikan		Percentage Correct
		Tidak	Ya	Tidak
Kesan Responden-Peningkatan tahap pendidikan	Tidak	55	25	68.8
	Ya	28	42	60.0
Overall Percentage				64.7

a The cut value is .500

a Variable(s) entered on step 1: Jantina, Umur, Pendptn, Tanggungan, Migrasi, dedu.

Jadual di atas menunjukkan hasil yang diperolehi daripada model regresi logistik mengenai perbandingan nilai yang dijangka daripada pembolehubah bersandar iaitu penerimaan kesan migrasi, dengan nilai sebenar data yang diperhatikan. Daripada jadual tersebut juga, model ini dapat meramalkan dengan betul 64.7 peratus daripada pemerhatian sebenar yang di perolehi merujuk kepada peratusan keseluruhan klasifikasi regresi logistik. Kesimpulan yang boleh dibuat di sini adalah sebanyak 64.7 peratus daripada kebarangkalian penerimaan kesan migrasi dapat dijelaskan melalui pembolehubah bebas.

Berdasarkan jadual, daripada hasil pemerhatian dan ramalan yang dibuat mendapati jika diramalkan responden tidak menerima kesan migrasi dan pemerhatian juga menunjukkan responden tidak menerima kesan maka hasil diperolehi adalah 55. Hal ini berbeza apabila pemerhatian mendapati responden tidak menerima kesan dan meramalkan responden menerima kesan maka hasil yang diperolehi hanya 25. Kedua – dua situasi memperlihatkan peratus ramalan adalah betul hanya pada 68.8 peratus. Selain itu, pemerhatian dan ramalan lain hasil daripada model ini adalah apabila pemerhatian mendapati responden menerima kesan dan meramalkan responden tidak menerima kesan maka hasil yang diperolehi adalah 28 dan apabila pemerhatian dan ramalan mengatakan

kedua-duanya menerima kesan maka hasil diperolehi adalah 42, maka peratusan ramalan yang amat betul adalah pada 60.0 peratus.

Bagi mengenalpasti apakah pembolehubah yang signifikan mempengaruhi penerimaan kesan migrasi dan apakah hubungan antara pembolehubah tersebut dengan kebarangkalian penerimaan kesan migrasi tersebut, maka analisis regresi logistik digunakan.

Jadual 4.5: Jadual Hasil Keputusan Regresi Logistik Binomial
Variables in the Equation

Variables	B	S.E.	Wald	df	Sig.	Exp(B)
Jantina	-.574	.368	2.435	1	.119	.563
Umur	-.143	.062	5.377	1	.020**	.866
Pendptn	.001	.000	6.162	1	.013**	1.001
Tanggung	-.159	.191	.691	1	.406	.853
Migrasi	.058	.069	.708	1	.400	1.059
dedu	-.127	.397	.103	1	.748	.880
Constant	3.099	1.466	4.471	1	.034	22.186

** Signifikan pada aras keertian 5%

* Signifikan pada aras keertian 10%

Berdasarkan jadual di atas menunjukkan keputusan regresi logistik antara pembolehubah bersandar kesan migrasi dari aspek sosial kepada responden dengan pembolehubah – pembolehubah bebas seperti di atas. Keputusan yang diperolehi menunjukkan terdapat dua pembolehubah bebas yang berkait secara signifikan dengan kesan migrasi dari aspek sosial kepada responden iaitu umur dan pendapatan. Kedua-dua pembolehubah bebas tersebut signifikan pada aras keertian 5 peratus. Walaubagaimanapun pembolehubah bebas lain seperti jantina, tanggungan, migrasi dan pendidikan tidak signifikan dan tidak mempengaruhi kesan migrasi dari aspek sosial kepada responden.

Jika dilihat daripada nilai pekali (B) pula, pembolehubah bebas pendapatan berhubung secara positif dengan pembolehubah bersandar, namun bagi pembolehubah umur adalah berhubung secara negatif, walaupun pembolehubah umur adalah signifikan iaitu mempengaruhi kesan migrasi dari aspek sosial kepada responden pada aras keertian

5 peratus, namun ia menunjukkan hubungan songsang dengan pembolehubah bersandar di mana peningkatan umur dari setahun ke setahun menyebabkan kebarangkalian penurunan penerimaan kesan migrasi dari aspek sosial kepada responden. Hal ini adalah disebabkan apabila responden semakin berumur maka kesan sosial yang dirasai akan berkurangan akibat usia semakin tua, kebanyakan golongan warga tua akan menghabiskan masa yang lebih di rumah dan tidak bekerja kerana tidak berupaya untuk bekerja lagi. Hal ini jelas menunjukkan kesan migrasi dari aspek sosial tidak dirasai oleh responden yang berumur.

4.2.3 Kesan Migrasi Dari Aspek Ekonomi Kepada Keluarga.

Jadual 4.6: Jadual Klasifikasi Regresi Logistik Kesan Migrasi Dari Aspek Ekonomi Kepada Keluarga (N=150)

Classification Table(a)

Observed		Predicted		
		Kesan Keluarga-Peningkatan pendapatan		Percentage Correct
		Tidak	Ya	Tidak
Kesan Keluarga-Peningkatan pendapatan	Tidak	1	34	2.9
	Ya	1	114	99.1
Overall Percentage				76.7

a The cut value is .500

Jadual di atas menunjukkan hasil yang diperolehi daripada model regresi logistik mengenai perbandingan nilai yang dijangka daripada pembolehubah bersandar iaitu penerimaan kesan migrasi, dengan nilai sebenar data yang diperhatikan. Daripada jadual tersebut juga, model ini dapat meramalkan dengan betul 76.7 peratus daripada pemerhatian sebenar yang di perolehi merujuk kepada peratusan keseluruhan klasifikasi regrasi logistik. Kesimpulan yang boleh dibuat di sini adalah sebanyak 76.7 peratus daripada kebarangkalian penerimaan kesan migrasi dapat dijelaskan melalui pembolehubah bebas.

Berdasarkan jadual, daripada hasil pemerhatian dan ramalan yang dibuat mendapati jika diramalkan responden tidak menerima kesan migrasi dan pemerhatian juga menunjukkan responden tidak menerima kesan maka hasil diperolehi adalah 1. Hal ini berbeza apabila pemerhatian mendapati responden tidak menerima kesan dan meramalkan responden menerima kesan maka hasil yang diperolehi hanya 34. Kedua-dua situasi memperlihatkan peratus ramalan adalah betul hanya pada 2.9 peratus. Selain itu, pemerhatian dan ramalan lain hasil daripada model ini adalah apabila pemerhatian mendapati responden menerima kesan dan meramalkan responden tidak menerima maka hasil yang diperolehi adalah 1 dan apabila pemerhatian dan ramalan mengatakan kedua –

duanya menerima kesan maka hasil diperolehi adalah 114, maka peratusan ramalan yang amat betul adalah pada 99.1 peratus.

Analisis regresi logistik dilakukan untuk mengenalpasti apakah pembolehubah yang signifikan mempengaruhi penerimaan kesan migrasi dan apakah hubungan antara pembolehubah tersebut dengan kebarangkalian keluarga menerima kesan migrasi dari aspek ekonomi.

Jadual 4.7 : Jadual Hasil Keputusan Regresi Logistik Binomial
Variables in the Equation

Variables	B	S.E.	Wald	df	Sig.	Exp(B)
Jantina	-.643	.434	2.193	1	.139	.526
Umur	-.004	.065	.003	1	.955	.996
Pendptn	.001	.000	4.418	1	.036**	1.001
Tanggung	-.125	.202	.383	1	.536	.882
Migrasi	.025	.070	.122	1	.727	1.025
dedu	.819	.484	2.861	1	.091*	2.268
Constant	.387	1.596	.059	1	.808	1.473

** Signifikan pada aras keertian 5%

* Signifikan pada aras keertian 10%

Jadual di atas menunjukkan keputusan regresi logistik antara pembolehubah bersandar kesan migrasi dari aspek ekonomi kepada keluarga dengan pembolehubah – pembolehubah bebas seperti di atas. Terdapat dua pembolehubah bebas yang didapati berkait secara signifikan dengan kesan migrasi dari aspek ekonomi kepada keluarga iaitu pendapatan dan pendidikan. Pembolehubah bebas pendapatan signifikan pada aras keertian 5 peratus manakala pembolehubah bebas pendidikan pula signifikan pada aras keertian 10 peratus. Walaubagaimanapun pembolehubah bebas lain seperti jantina, umur, tanggungan dan tahun migrasi tidak signifikan dan tidak mempengaruhi kesan migrasi dari aspek ekonomi kepada keluarga

Hasil kajian ini mendapati, hanya faktor pendidikan sahaja amat mempengaruhi penerimaan kesan migrasi dari aspek ekonomi kepada keluarga. Kesan magnitud bagi pembolehubah tersebut dapat dijelaskan melalui nilai Exp(B). Jika dilihat daripada nilai

pekali (B) pula, pembolehubah bebas pendidikan berhubung secara positif dengan pembolehubah bersandar, dan setelah nilai pekali (B) bagi pembolehubah pendidikan tersebut diantilog maka ia menunjukkan kebarangkalian keluarga yang memiliki anak migrasi yang berpendidikan tinggi menerima kesan migrasi dari aspek ekonomi lebih tinggi berbanding yang berpendidikan rendah iaitu sebanyak 0.192. Bagi pembolehubah pendapatan pula menunjukkan berhubung secara positif, hal ini bermaksud apabila berlaku peningkatan RMI pendapatan akan menyebabkan peningkatan penerimaan kesan migrasi dari aspek ekonomi kepada keluarga sebanyak 0.001.

4.2.4 Kesan Migrasi Dari Aspek Sosial Kepada Keluarga

Jadual 4.8 : Jadual Klasifikasi Regresi Logistik Kesan Migrasi Dari Aspek Sosial Kepada Keluarga (N=150)

Classification Table(a)

Observed		Predicted		
		Kesan Keluarga-Peningkatan tahap pendidikan		Percentage Correct
		Tidak	Ya	Tidak
Kesan Keluarga-Peningkatan tahap pendidikan	Tidak	65	20	76.5
	Ya	26	39	60.0
Overall Percentage				69.3

a The cut value is .500

Jadual di atas menunjukkan perbandingan nilai yang dijangka daripada pembolehubah bersandar iaitu kesan migrasi dari aspek sosial kepada keluarga dengan menggunakan model regresi logistik dengan nilai sebenar data yang diperhatikan. Daripada jadual tersebut, model ini meramalkan dengan betul 69.3 peratus daripada pemerhatian sebenar yang di perolehi daripada jadual di atas merujuk pada peratusan keseluruhan klasifikasi regresi logistik. Kesimpulan yang boleh dibuat adalah sebanyak 69.3 peratus daripada kebarangkalian kesan migrasi dari aspek sosial kepada keluarga dapat dijelaskan melalui pembolehubah bebas.

Dapat diperhatikan daripada jadual, hasil pemerhatian dan ramalan memperolehinya bahawa jika diramalkan responden tidak menerima kesan dan pemerhatian juga memperolehinya responden tidak menerima kesan maka hasil diperolehi adalah 65. Begitu juga jika pemerhatian mendapati tidak menerima kesan dan meramalkan responden menerima kesan maka hasil diperolehi hanya 20. Kedua – dua situasi memperlihatkan peratus ramalan adalah betul hanya 76.5 peratus. Selain itu, pemerhatian lain hasil daripada jadual adalah apabila pemerhatian mendapati bahawa responden menerima kesan dan diramalkan responden tidak menerima maka hasil yang diperolehi adalah 26 dan apabila pemerhatian dan ramalan mengatakan kedua-duanya menerima kesan maka

hasil diperolehi adalah tinggi iaitu 39. Kedua – dua situasi di atas memperoleh peratusan ramalan yang amat betul iaitu 60.0 peratus.

Analisis regresi logistik dilakukan untuk mengenalpasti apakah pembolehubah yang signifikan mempengaruhi penerimaan kesan migrasi dan apakah hubungan antara pembolehubah tersebut dengan kebarangkalian keluarga menerima kesan migrasi dari aspek ekonomi.

Jadual 4.9: Jadual Hasil Keputusan Regresi Logistik Binomial

Variables in the Equation

Variables	B	S.E.	Wald	df	Sig.	Exp(B)
Jantina	-.315	.371	.718	1	.397	.730
Umur	-.135	.063	4.510	1	.034**	.874
Pendptn	.000	.000	3.143	1	.076*	1.000
Tanggungan	.159	.195	.667	1	.414	1.173
Migrasi	-.048	.072	.450	1	.503	.953
dedu	.825	.391	4.458	1	.035**	2.282
Constant	2.594	1.491	3.026	1	.082	13.388

** Signifikan pada aras keertian 5%

* Signifikan pada aras keertian 10%

Jadual di atas menunjukkan keputusan regresi logistik antara pembolehubah bersandar kesan migrasi dari aspek sosial kepada keluarga dengan pembolehubah – pembolehubah bebas seperti di atas. Terdapat tiga pembolehubah bebas yang didapati berkait secara signifikan dengan kesan migrasi dari aspek sosial kepada keluarga iaitu umur dan pendapatan serta pendidikan. Hanya pembolehubah bebas pendapatan yang signifikan pada aras keertian 10 peratus berbanding dua pembolehubah bebas ia signifikan pada aras keertian 5 peratus. Walaubagaimanapun pembolehubah bebas lain seperti jantina, tanggungan, migrasi tidak menunjukkan signifikan dan tidak mempengaruhi kesan migrasi dari aspek sosial kepada keluarga.

Jika dilihat daripada nilai pekali (B) pula, hanya 2 pembolehubah bebas adalah berhubung secara positif dengan pembolehubah bersandar iaitu pendidikan dan pendapatan, manakala umur adalah berhubung secara negatif dengan pembolehubah

bersandar. Hal ini bermaksud, bagi pembolehubah bebas pendidikan setelah nilai pekali (B) di antilog menunjukkan kebarangkalian keluarga yang memiliki anak migrasi yang berpendidikan tinggi menerima kesan migrasi dari aspek sosial lebih tinggi berbanding yang berpendidikan rendah iaitu sebanyak 0.192. Manakala pembolehubah pendapatan pula menunjukkan peningkatan RM1 akan menyebabkan peningkatan penerimaan kesan migrasi dari aspek ekonomi sebanyak 0.000. Bagi pembolehubah bebas umur pula menunjukkan peningkatan umur dari setahun ke setahun menyebabkan kebarangkalian penurunan penerimaan kesan migrasi dari aspek social kepada keluarga.

4.3 KESIMPULAN

Kesimpulanya, dalam bab ini menjelaskan tentang maklumat yang telah diperolehi daripada soal selidik yang telah dilakukan, sebanyak 150 keping soal selidik telah diedarkan di dua buah Felda iaitu Felda Maokil dan Felda Kahang Timur, Kluang Johor. Maklumat yang diperolehi daripada tiga bahagian utama soal selidik tersebut kemudiannya dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS untuk melihat hasil kajian seperti latar belakang responden, faktor-faktor migrasi, kesan migrasi dan lain-lain lagi melalui analisis diskriptif. Bagi melihat hubungan diantara pembolehubah bersandar iaitu kesan migrasi terhadap sosioekonomi responden dan keluarga dengan pembolehubah bebas seperti jantina, umur, pendapatan, tahun migrasi, pendidikan dan bilangan tanggungan pula, kaedah regresi logistik dalam model binomial logit telah digunakan untuk menganalisis hubungan tersebut. Setelah dianalisis hasil kajian mendapati terdapat beberapa pembolehubah bebas yang mempengaruhi pembolehubah bersandar antaranya seperti pendapatan, umur dan pendidikan.

BAB V

RUMUSAN KAJIAN

5.0 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan tentang rumusan secara keseluruhan dan beberapa cadangan di beri untuk mengatasi masalah yang timbul daripada migrasi yang dilakukan oleh belia-belia Felda di Wilayah negeri Johor, terutamanya Felda Maokil dan Felda Kahang Timur, Kluang. Secara keseluruhannya, kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji faktor migrasi dan kesan migrasi generasi muda Felda terhadap sosioekonomi komuniti Felda .

5.1 RUMUSAN KAJIAN

Secara keseluruhannya antara hasil kajian yang diperolehi daripada kajian ini adalah mengenai faktor–faktor penentu seseorang belia Felda itu bermigrasi keluar dan kesan yang diperolehi daripada tindakan migrasi tersebut, kesan di sini dilihat memberi kesan kepada dua pihak iaitu diri belia itu sendiri sebagai responden dan kepada keluarga dari dua aspek iaitu aspek ekonomi dan sosial.

Bagi memperoleh hasil kajian ini maklumat-maklumat yang diperolehi daripada soal selidik dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS dan model yang digunakan adalah model Binari Logit. Setelah dianalisis didapati sebahagian besar atau purata belia Felda melakukan migrasi adalah ketika umur 25 tahun ke atas dan faktor migrasi tersebut

adalah untuk mencari pekerjaan, maka di sini secara langsung telah menjawab objektif pertama dalam kajian ini iaitu mengenalpasti punca migrasi generasi muda FELDA. Selain itu hasil kajian menunjukkan kebanyakan belia yang bermigrasi telah berkahwin namun terdapat juga yang masih bujang. Sebahagian besar responden yang melakukan migrasi memperoleh purata pendapatan adalah RM 1047.25 sebulan dan hampir 70 peratus daripada responden pula mengirimkan wang kurang daripada RM100 bagi membantu keluarga.

Dalam kajian ini hasil yang diperoleh menunjukkan kebanyakan peneroka di kedua-dua FELDA tidak mengusahakan tanah kebun dan mereka mengupahkannya kepada buruh asing atau peneroka lain bagi mengusahakan tanah mereka, hasil kajian yang diperolehi mendapati kebanyakan peneroka mengupah buruh asing untuk mengusahakan tanah mereka dan purata bayaran upah adalah dalam lingkungan RM 100 sehingga RM 800 sebulan, hal ini secara tidak langsung telah menjejaskan pendapatan peneroka.

Bagi menjawab objektif kedua iaitu mengkaji kesan migrasi generasi muda FELDA terhadap sosioekonomi peneroka FELDA model kajian binomial logit digunakan untuk melihat hubungan di antara pembolehubah bersandar dengan pembolehubah bebas bagi menjawab sejauhmana kesan migrasi terhadap sosio-ekonomi masyarakat FELDA. Kesan ini akan dilihat pada dua bahagian iaitu dari aspek sosial dan ekonomi terhadap responden dan juga keluarga.

Hasil kajian mendapati migrasi yang dilakukan sememangnya memberi kesan kepada keluarga bagi kedua-dua aspek sekurang-kurangnya dua pembolehubah bebas yang mempengaruhi pembolehubah bersandar. Pembolehubah bersandar adalah kesan migrasi dari aspek sosioekonomi kepada keluarga dan pembolehubah bebas yang mempengaruhi pembolehubah bersandar adalah pendapatan dan pendidikan, misalnya pembolehubah pendapatan, semakin tinggi pendapatan maka pertambahan pendapatan daripada kiriman wang anak yang migrasi juga meningkat maka ini menunjukkan kesan migrasi dari aspek ekonomi kepada keluarga semakin meningkat.

Selain itu hasil kajian juga turut memperlihatkan kesan migrasi dari aspek sosiekonomi terhadap responden sendiri, di mana dari segi sosial sememangnya migrasi yang dilakukan memberi kesan kepada responden dan sekurang-kurangnya dua pembolehubah bebas yang mempengaruhi pembolehubah bersandar iaitu umur dan pendapatan. Hal ini bermaksud misalnya pembolehubah bebas pendapatan, semakin tinggi pendapatan yang diperolehi maka semakin tinggi kesan sosial seperti peningkatan tahap pendidikan yang diterima oleh responden.

5.2 CADANGAN

Terdapat beberapa cadangan yang ingin saya dikemukakan setelah kajian ini selesai dan berjaya dijalankan. Antara cadangan yang dikemukakan sebanyak sedikit boleh membantu pihak-pihak yang terlibat dalam mengatasi masalah yang timbul.

i) Memberi Latihan Atau Kemahiran

Berdasarkan kajian yang telah dibuat, migrasi yang dilakukan oleh para belia Felda sememangnya memberi kesan positif kepada belia itu sendiri begitu juga kepada keluarga mereka, namun tidak boleh dinafikan masih juga terdapat masalah yang timbul antaranya seperti akibat kebanyakan belia yang migrasi menyebabkan peneroka terpaksa mengupah buruh asing terutamanya bagi mengusahakan tanah kebun 10 ekar, maka secara tidak langsung hal ini menjejaskan pendapatan peneroka akibat upah yang dibayar. Di sini saya ingin mencadangkan supaya pihak Felda dapat membuat program-program jangka pendek seperti kemahiran dan latihan kepada belia Felda terutamanya yang ketinggalan dalam pendidikan. Hal ini bukan sahaja dapat memberi faedah kepada belia bahkan dapat mengurangkan belia keluar dari Felda, maka secara langsung peneroka tidak perlu mengupah buruh asing.

ii) Mewujudkan Peluang Pekerjaan

Daripada pemerhatian dan kajian yang telah saya lakukan mengenai migrasi dikalangan belia Felda, saya dapati dari hasil kajian yang diperoleh menunjukkan masalah yang dihadapi masyarakat Felda masa kini adalah generasi pertama atau peneroka tidak mempunyai waris bagi mengusahakan tanah kebun mereka, di mana kebanyakan anak mereka iaitu belia Felda tidak berminat dan berpindah keluar mencari peluang pekerjaan lain seperti pekerjaan operator pengeluaran di kilang dan lain-lain lagi. Hal ini mengakibatkan peneroka terpaksa mengupah buruh asing untuk mengusahakan tanah mereka. Oleh itu, bagi mengatasi masalah ini saya mencadangkan agar pihak Felda mewujudkan peluang pekerjaan kepada belia. Hal ini bermaksud pihak Felda tidak perlu lagi membawa masuk buruh asing untuk bekerja di ladang tetapi menawarkannya kepada belia Felda sendiri. Selain itu juga boleh memberikan pinjaman kepada belia yang berminat untuk memulakan perniagaan atau menternak.

iii) Menambahkan Infrastruktur

Bagi mengelakan belia migrasi keluar pihak Felda perlulah lebih giat lagi membuat pelbagai program yang boleh menarik minat dan menukar persepsi mereka bahawa tinggal di luar adalah lebih baik, antara usaha yang boleh dilakukan adalah menyediakan lebih banyak infrastruktur dan kemudahan kepada masyarakat Felda amnya, contohnya seperti rumah dan lain-lain lagi, hal ini penting kerana pernah berlaku satu isu yang mengaitkan generasi kedua Felda memohon pihak Felda agar menyediakan rumah untuk mereka,

iv) Banci Penduduk

Selain itu juga saya mersakan pihak Felda harus melakukan program banci penduduk dari semasa ke semasa bagi memperolehi data atau maklumat terkini terutamanya mengenai belia dari segi pendidikan, umur, minat mereka dan lain-lain lagi. Hal ini bukan sahaja memudahkan pihak Felda untuk merancang dan memperuntukkan dana bagi mempertingkatkan lagi taraf hidup masyarakat Felda amnya, tetapi juga ia turut memberi faedah kepada penyelidik seperti saya yang membuat kajian berkaitan masyarakat Felda.

5.3 KESIMPULAN KAJIAN

Kesimpulannya, kajian ini mendapati migrasi dikalangan belia Felda sememangnya memberi kesan yang positif kepada komuniti Felda begitu juga kepada belia itu sendiri, samada dari aspek ekonomi dan aspek sosial. Namun masih timbul masalah yang tidak dapat dielakan misalnya kedatangan buruh asing di dalam masyarakat Felda, bukan sahaja menjejaskan pendapatan tetapi ia turut memeberi kesan negatif dalam kehidupan sosial masyarakat Felda. Jika pada hari ini khidmat buruh asing digunakan untuk mengusahakan tanah kebun, tidak mustahil pada suatu hari nanti tanah tersebut akan terbiar selepas peneroka meninggal dunia. Oleh itu diharap semua pihak terlibat dapat mengambil tindakan susulan.

RUJUKAN

- Asan Ali Golam Hassan dan Hassan Ali. *Migrasi Keluar Generasi Kedua Dan Dampaknya Terhadap Sosioekonomi Masyarakat FELDA*. Universiti Utara Malaysia.
- Katiman Rostam. 2005. Migrasi Ke Kawasan Pinggiran Wilayah Metropolitan Lembah Klang. *Akademika* 68(Januari)3-27.
- Yong Chen and Stuart S. Rosenthal. (2006). Local Amenities And Life-Cycle Migration : Do People Move For Jobs Or Fun?. *Journal of Urban Economics*. 1020-13244.
- Zhiqiang Liu .(2008). Human Capital Externalities And Rural–Urban Migration: Evidence From Rural China. *China Economic Review*, 512-535.
- Yang Du, Albert Park.(2005). Sangui Wang, Migration and rural poverty in China. *Journal of Comparative Economics*. 688-709.
- Osman Gumuscu.(2004). Internal Migrations In Sixteenth Century Anatolia. *Journal of Historical Geography*. 231-248.
- Cris Beauchemin and Bruno Schoumaker.(2005). Migration To Cities In Burkina Faso : Does The Level Of Development In Sending Areas Matter?. *World Development*. 1129-1152.
- Mohd Razali Agus dan Yahaya Ibrahim. (2003). *Penilaian Dampak Sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Fathilah Binti Ismail & Zahrul Nizal B. Zabidi . *Statistik Untuk Pengurusan Dan Ekonomi*. Universiti Malaysia Terengganu.
- Andy Field. (2000). *Discovering Statistics Using SPSS For Windows*
- Damodar N. Gujarati. *Basic Econometrics*.
- Abd. Malik Ismail. *Sektor Pertanian Di Malaysia Kini: Isu, Masalah Dan Cabaran*. Fakulti Ekonomi, UKM.
- Hassan B. Ali. *Ekonometrik Asas*. Penerbit Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.
- yayasan@felda.net.my
- www.sciendirect.my.
- www.ukm.my.

LAMPIRAN A

Contoh soalan soal selidik.

Kod Responden



Saya pelajar tahun tiga Ekonomi (Sumber Alam), Fakulti Pengurusan dan Ekonomi(FPE), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sedang melakukan penyelidikan terhadap Migrasi Generasi Muda Felda : Punca Dan Kesan Terhadap Sosioekonomi Komuniti Felda. Saya berharap agar Tuan/Puan/Encik/Cik dapat memberi kerjasama untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dan soal selidik ini yang hanya mengambil masa lebih kurang 30 minit. Maklumat yang Tuan/Puan/Encik/Cik berikan adalah sulit dan rahsia serta terpelihara dari pihak-pihak yang tidak berkenaan. Maklumat yang diberikan hanya bertujuan untuk penyelidikan saya sahaja. Kerjasama dari pihak Tuan/Puan/Encik/Cik adalah amat saya hargai dan didahului dengan ucapan jutaan terima kasih.

Bahagian A : LATAR BELAKANG RESPONDEN
Tanda (/) pada jawapan yang sesuai.

1. Jantina
 - Lelaki
 - Perempuan

2. Umur _____ tahun

3. Taraf perkahwinan
 - Bujang
 - Berkahwin
 - Lain-lain; nyatakan : _____

4. Apakah tahap pendidikan tertinggi anda?
 - Tiada pendidikan formal
 - Sekolah Rendah
 - Sekolah menengah rendah SRP/PMR
 - Sekolah menengah Atas SPM
 - STPM/Diploma
 - Ijazah dan ke atas

5. Jenis pekerjaan
 - Sektor Swasta
 - Sektor Awam
 - Bekerja sendiri
 - Suri rumah/pelajar
 - Lain-lain; nyatakan : _____

6. Berapakah jumlah pendapatan bulanan anda?
Nyatakan RM _____ .

7. Berapakah bilangan tanggungan? _____ orang

8. Kawasan tempat tinggal
Nyatakan : _____

BAHAGIAN B : PENILAIAN MIGRASI OLEH BELIA.

Tanda (/) pada jawapan yang sesuai.

9. Adakah anda migrasi keluar daripada Felda ?

- Ya
- Tidak

10. Jika 'Ya', berapa lamakah anda telah migrasi ?, _____ Tahun.

11. Apakah sebab atau faktor anda migrasi?

- Pekerjaan
- Melanjutkan pelajaran.
- Berkahwin

12. Kesan Migrasi Terhadap Sosioekonomi kepada Responden

Tanda (/) pada jawapan yang sesuai.

I) Ekonomi

Aspek	YA	TIDAK
1) Peningkatan Pendapatan		
2) Peningkatan pemilikan harta, contohnya kereta, rumah dan lain-lain		
3) Perubahan status pekerjaan, contohnya pekerja kebun kepada kerani.		
4) Peningkatan perbelanjaan bulanan akibat peningkatan kos sara hidup migrasi.		

I) Sosial

Aspek	YA	TIDAK
1) Peningkatan tahap kesihatan.		
2) Peningkatan tahap pendidikan atau kemahiran, contohnya kursus komputer dan lain-lain.		
3) Peningkatan jaminan keselamatan.		
4) Peningkatan penggunaan infrastruktur seperti lebuh raya, pusat beli belah dan lain-lain.		

13. Kesan Migrasi Terhadap Sosioekonomi kepada Responden
Tanda (/) pada jawapan yang sesuai.

I) Ekonomi

Aspek	YA	TIDAK
1) Peningkatan pendapatan contohnya kiriman wang daripada anak yang migrasi.		
2) Peningkatan pemilikan harta, contohnya kereta, penambahbaikan rumah dan lain-lain.		
3) Upah buruh asing menjejaskan pendapatan peneroka yang berpunca daripada migrasi.		
4) Beban tanggungan isi rumah berkurangan kerana migrasi.		

II) Sosial

Aspek	YA	TIDAK
1) Penurunan tahap kesihatan keluarga, contohnya kurang membuat pemeriksaan kesihatan di hospital kerana anak migrasi.		
2) Peningkatan tahap pendidikan keluarga, contohnya pembelian peralatan persekolahan.		
3) Kurangnya kawalan keselamatan dari generasi migrasi.		
4) Kesselesaan taraf hidup meningkat.		

14. Adakah anda membantu keluarga dari segi kewangan ?

- Ya
 Tidak

15. Jika 'Ya' berapakah nilai wang yang anda kirim kepada ibu bapa anda dalam sebulan? RM _____.

16. Adakah keluarga anda mengusahakan sendiri tanah kebun?

- Ya
 Tidak

17. Jika 'Tidak' siapakah yang mengusahakan tanah kebun dan berapakah jumlah upah yang dibayar dalam sebulan ?

- Buruh asing. RM _____
 Upah peneroka lain. RM _____

BAHAGIAN C : PENDAPAT MASYARAKAT TERHADAP MIGRASI

17. (Sila bulatka nombor berdasarka petunjuk berikut)

- 1 – Sangat tidak setuju
- 2 – Tidak setuju
- 3 – Kurang setuju
- 4 – Setuju
- 5 – Sangat setuju

1. Keluarga yang mempunyai anak migrasi lebih terjamin dari segi peningkatan taraf ekonomi keluarga.	1	2	3	4	5
2. Anak yang migrasi berhadapan risiko kerosakan akhlak.	1	2	3	4	5
3. Anak yang migrasi menyebabkan keluarga terpaksa menyerah kerja di ladang kepada buruh asing.	1	2	3	4	5
4. Kos mengerjakan oleh pekerja asing diladang menyebabkan penurunan pendapatan bulanan yang diperolehi.	1	2	3	4	5
5. Sumbangan kewangan kepada keluarga oleh anak migrasi tidak dapat menampung kos sara hidup keluarga.	1	2	3	4	5
6. Berlaku peningkatan ketara dalam taraf hidup jika anak-anak peneroka berhijrah keluar.	1	2	3	4	5

HASIL KAJIAN MODEL BINOMIAL LOGIT

1. Kesan Migrasi Dari Aspek Sosial Kepada Responden

Classification Table(a,b)

Observed			Predicted		
			Kesan Responden-Peningkatan tahap pendidikan		Percentage Correct
			Tidak	Ya	Tidak
Step 0	Kesan Responden-Peningkatan tahap pendidikan	Tidak	80	0	100.0
		Ya	70	0	.0
Overall Percentage					53.3

a Constant is included in the model.

b The cut value is .500

Variables not in the Equation

		Score	df	Sig.
Step 0	Jantina	1.659	1	.198
	Umur	10.147	1	.001
	Pendptn	3.039	1	.081
	Tanggung	8.216	1	.004
	Migrasi	3.888	1	.049
	dedu	1.918	1	.166
Overall Statistics		19.730	6	.003

Model Summary

Step	-2 Log likelihood	Cox & Snell R Square	Nagelkerke R Square
1	186.110(a)	.132	.176
2	186.214(a)	.131	.175
3	186.888(a)	.127	.170
4	187.317(a)	.125	.166
5	189.847(a)	.110	.146

a Estimation terminated at iteration number 4 because parameter estimates changed by less than .001.

Classification Table(a)

Observed			Predicted		
			Kesan Responden-Peningkatan tahap pendidikan		Percentage Correct
			Tidak	Ya	Tidak
Step 1	Kesan Responden-Peningkatan tahap pendidikan	Tidak	55	25	68.8
		Ya	28	42	60.0
Overall Percentage					64.7

a The cut value is .500

a Variable(s) entered on step 1: Jantina, Umur, Pendptn, Tanggungan, Migrasi, dedu.

Variables in the Equation

		B	S.E.	Wald	df	Sig.	Exp(B)
Step 1(a)	Jantina	-.574	.368	2.435	1	.119	.563
	Umur	-.143	.062	5.377	1	.020**	.866
	Pendptn	.001	.000	6.162	1	.013**	1.001
	Tanggungan	-.159	.191	.691	1	.406	.853
	Migrasi	.058	.069	.708	1	.400	1.059
	dedu	-.127	.397	.103	1	.748	.880
	Constant	3.099	1.466	4.471	1	.034	22.186
Step 2(a)	Jantina	-.546	.357	2.338	1	.126	.579
	Umur	-.144	.062	5.366	1	.021	.866
	Pendptn	.001	.000	6.481	1	.011	1.001
	Tanggungan	-.152	.189	.647	1	.421	.859
	Migrasi	.060	.068	.787	1	.375	1.062
	Constant	3.052	1.459	4.377	1	.036	21.164
	Step 3(a)	Jantina	-.576	.354	2.641	1	.104
Umur		-.166	.056	8.791	1	.003	.847
Pendptn		.001	.000	6.679	1	.010	1.001
Migrasi		.042	.064	.429	1	.512	1.043
Constant		3.597	1.304	7.606	1	.006	36.476
Step 4(a)	Jantina	-.556	.352	2.497	1	.114	.573
	Umur	-.141	.040	12.245	1	.000	.868
	Pendptn	.001	.000	6.665	1	.010	1.001
	Constant	3.111	1.060	8.624	1	.003	22.453
Step 5(a)	Umur	-.139	.040	11.884	1	.001	.870
	Pendptn	.001	.000	6.197	1	.013	1.001
	Constant	2.805	1.033	7.374	1	.007	16.532

a Variable(s) entered on step 1: Jantina, Umur, Pendptn, Tanggungan, Migrasi, dedu.

2. Kesan Migrasi Dari Aspek Ekonomi Kepada Keluarga

Classification Table(a,b)

Observed			Predicted		
			Kesan Keluarga-Peningkatan pendapatan		Percentage Correct
			Tidak	Ya	Tidak
Step 0	Kesan Keluarga-Peningkatan pendapatan	Tidak	0	35	.0
		Ya	0	115	100.0
Overall Percentage					76.7

a Constant is included in the model.

b The cut value is .500

Variables not in the Equation

			Score	df	Sig.
Step 0	Variables	Jantina	2.427	1	.119
		Umur	.015	1	.902
		Pendptn	6.693	1	.010
		Tanggungan	.343	1	.558
		Migrasi	.005	1	.946
		dedu	8.282	1	.004
Overall Statistics			13.722	6	.033

Model Summary

Step	-2 Log likelihood	Cox & Snell R Square	Nagelkerke R Square
1	147.369(a)	.099	.149
2	147.372(a)	.099	.149
3	147.510(a)	.098	.148
4	147.877(a)	.096	.145
5	150.065(a)	.083	.125

a Estimation terminated at iteration number 5 because parameter estimates changed by less than .001.

Classification Table(a)

Observed			Predicted		
			Kesan Keluarga-Peningkatan pendapatan		Percentage Correct
			Tidak	Ya	Tidak
Step 1	Kesan Keluarga-Peningkatan pendapatan	Tidak	1	34	2.9
		Ya	1	114	99.1
Overall Percentage					76.7

a The cut value is .500

Variables in the Equation

		B	S.E.	Wald	df	Sig.	Exp(B)
Step 1(a)	Jantina	-.643	.434	2.193	1	.139	.526
	Umur	-.004	.065	.003	1	.955	.996
	Pendptn	.001	.000	4.418	1	.036	1.001
	Tanggungan	-.125	.202	.383	1	.536	.882
	Migrasi	.025	.070	.122	1	.727	1.025
	dedu	.819	.484	2.861	1	.091	2.268
	Constant	.387	1.596	.059	1	.808	1.473
Step 2(a)	Jantina	-.641	.433	2.191	1	.139	.527
	Pendptn	.001	.000	4.424	1	.035	1.001
	Tanggungan	-.130	.183	.504	1	.478	.878
	Migrasi	.023	.061	.138	1	.711	1.023
	dedu	.821	.482	2.906	1	.088	2.274
		Constant	.302	.515	.345	1	.557
Step 3(a)	Jantina	-.653	.432	2.288	1	.130	.520
	Pendptn	.001	.000	4.622	1	.032	1.001
	Tanggungan	-.083	.136	.375	1	.540	.920
	dedu	.807	.480	2.826	1	.093	2.240
		Constant	.358	.493	.526	1	.468
Step 4(a)	Jantina	-.626	.428	2.142	1	.143	.535
	Pendptn	.001	.000	4.368	1	.037	1.001
	dedu	.874	.468	3.495	1	.062	2.398
		Constant	.287	.477	.361	1	.548
Step 5(a)	Pendptn	.001	.000	3.536	1	.060	1.001
	dedu	1.000	.461	4.700	1	.030	2.719
		Constant	.032	.430	.005	1	.941

a Variable(s) entered on step 1: Jantina, Umur, Pendptn, Tanggungan, Migrasi, dedu.

3. Kesan Migrasi Dari Aspek Sosial Kepada Keluarga.

Classification Table(a,b)

Observed			Predicted		
			Kesan Keluarga-Peningkatan tahap pendidikan		Percentage Correct
			Tidak	Ya	Tidak
Step 0	Kesan Keluarga-Peningkatan tahap pendidikan	Tidak	85	0	100.0
		Ya	65	0	.0
Overall Percentage					56.7

a Constant is included in the model.

b The cut value is .500

Variables not in the Equation

			Score	df	Sig.
Step 0	Variables	Jantina	1.232	1	.267
		Umur	9.859	1	.002
		Pendptn	2.822	1	.093
		Tanggung	5.123	1	.024
		Migrasi	7.484	1	.006
		dedu	11.917	1	.001
Overall Statistics			22.080	6	.001

Model Summary

Step	-2 Log likelihood	Cox & Snell R Square	Nagelkerke R Square
1	180.993(a)	.149	.200
2	181.448(a)	.147	.197
3	181.881(a)	.144	.194
4	182.502(a)	.141	.189
5	185.270(a)	.125	.167

a Estimation terminated at iteration number 4 because parameter estimates changed by less than .001.

Classification Table(a)

Observed			Predicted		
			Kesan Keluarga-Peningkatan tahap pendidikan		Percentage Correct
			Tidak	Ya	Tidak
Step 1	Kesan Keluarga-Peningkatan tahap pendidikan	Tidak	65	20	76.5
		Ya	26	39	60.0
	Overall Percentage				69.3

a The cut value is .500

Variables in the Equation

		B	S.E.	Wald	df	Sig.	Exp(B)
Step 1(a)	Jantina	-.315	.371	.718	1	.397	.730
	Umur	-.135	.063	4.510	1	.034	.874
	Pendptn	.000	.000	3.143	1	.076	1.000
	Tanggung dedu	.159	.195	.667	1	.414	1.173
	Migrasi	-.048	.072	.450	1	.503	.953
	dedu	.825	.391	4.458	1	.035	2.282
	Constant	2.594	1.491	3.026	1	.082	13.388
Step 2(a)	Jantina	-.315	.371	.720	1	.396	.730
	Umur	-.152	.058	6.788	1	.009	.859
	Pendptn	.000	.000	3.041	1	.081	1.000
	Tanggung dedu	.118	.181	.422	1	.516	1.125
	dedu	.855	.387	4.889	1	.027	2.352
	Constant	2.882	1.429	4.065	1	.044	17.846
Step 3(a)	Jantina	-.291	.369	.622	1	.430	.748
	Umur	-.126	.042	8.986	1	.003	.882
	Pendptn	.000	.000	2.976	1	.085	1.000
	dedu	.818	.382	4.575	1	.032	2.265
Step 4(a)	Constant	2.314	1.122	4.251	1	.039	10.113
	Umur	-.124	.042	8.702	1	.003	.884
	Pendptn	.000	.000	2.673	1	.102	1.000
Step 5(a)	dedu	.894	.370	5.823	1	.016	2.444
	Constant	2.108	1.089	3.747	1	.053	8.228
	Umur	-.102	.038	7.194	1	.007	.903
	dedu	1.078	.353	9.313	1	.002	2.939
	Constant	2.030	1.060	3.667	1	.055	7.614

a Variable(s) entered on step 1: Jantina, Umur, Pendptn, Tanggungan, Migrasi, dedu.

**MIGRASI GENERASI MUDA FELDA: PUNCA DAN KESAN TERHADAP SOSIOEKONOMI KOMUNITI
FELDA - FAIZAH BINTI SAHAT**